

PEARL LAM & ASSOCIATES

ARCHITECTS

1900 W. 4TH AVE.

HOUSTON, TEXAS

NEGERI SEMBILAN
GEMUK BERPUPUK SEGAR BERSIRAM

PEMILIKAN DAN PENTADBIRAN TANAH ADAT 1800 - 1960

NADZAN HARON

Arkib Sejarah Lisan
Jabatan Sejarah
Universiti Kebangsaan Malaysia

Penyelenggara
Tan Sri A. Samad Idris
Haji Muhammad Taimu

Penerbit
JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA
MUZIUM NEGERI, NEGERI SEMBILAN
DAN
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
DARUL KHUSUS.

Cetakan Pertama 1997

Hakcipta Jawatankuasa Penyelidikan Budaya, Muzium Negeri,
Negeri Sembilan
dan
Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada
buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan
untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam
sebarang bentuk atau elektronik, gambar,
rakaman atau sebagainya tanpa kebenaran
tertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia
oleh
**JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA
MUZIUM NEGERI SEMBILAN**
dan
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Taman Seni Budaya, Muzium Negeri
Jalan Sungai Ujong, 70200 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus

Dicetak di Malaysia oleh

MALINDO PRINTERS
Lot 3, Jalan 15/17, 40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

ISBN 983 - 99849 - 5 - 0



**MENTERI BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**



MBNS. 1.09.

MENYALURKAN PENJELASAN TERPERINCI

Rasa kebanggaan yang amat sangat haruslah dikongsi bersama oleh kita di atas kejayaan bersama menerbitkan rangkaian buku Pemilikan dan Pentadbiran Tanah Adat 1800 - 1950.

Pemaparan terperinci buku-buku ini amat bermanfaat sekali bukan sahaja sebagai bahan bacaan tetapi juga panduan dan pedoman untuk generasi mendatang.

Usaha ini juga mampu menyalurkan penjelasan terperinci kepada masyarakat umum terutama dari luar khususnya dengan kelaburan berhubung pemakaian luredah adat di negeri ini.

Penerbitan buku-buku ini diharap akan menyemarakkan lebih ramai penulis untuk memaparkan dan mengutarakan bahan-bahan utama bagi memperkembangkan pemahaman yang serba komprehensif mengenai struktur adat di negeri ini.

Rukaman setinggi-tinggi rahmah di atas kejayaan ini dan semoga ia akan menghasilkan sesuatu yang baik buat kita semua selaku pewaris bangsa yang progresif.

Salam hormat,

(DATO' SERI UTAMA TAN SRI HJ MOHD ISA BIN DATO' HJ ABDUL SAMAD)

**Dari Teratak Seni
TAN SRI A. SAMAD IDRIS**



Syukur Alhamdulillah dengan keredhaan Allah Subhanahu Wataala jua Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri, Negeri Sembilan dapat menerbitkan sebuah buku lagi dalam siri penerbitan Gerak Berpapak Segar Bersiram yang diberi judul **"PEMILIKAN DAN PENTADBIRAN TANAH ADAT 1800-1960"** bagi tahun 1997.


Dengan penerbitan buku ini berjumlah enam siri telah diterbitkan iaitu:-

- | | |
|------------------------|---|
| i) Adat Merentas Zaman | ii) Luak Tanah Mengandung |
| iii) Luak Jelabu | iv) Adat Perputih Nilai dan Falsafahnya |
| v) Luak Johol | vi) Pemilikan dan Pentadbiran Tanah Adat
1800-1960 |

Saya mengucapkan terima kasih kepada Dr. Nadran Haron yang telah menitis buku ini hasil kaji selidik yang telah dilukukannya secara ilmiah dan menyerahkan kepada Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri, Negeri Sembilan untuk diterbitkan.

Adalah diharapkan buku ini yang mengandungi sistem pemilikan dan pentadbiran tanah adat di Negeri Sembilan akan dapat memberikan manfaat dan menjadi sumber rujukan kepada mereka yang ingin mengetahui tentang adat di Negeri Sembilan.

Saya juga mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Haji Muhammad bin Tahir yang berusaha menyelenggarakan penerbitannya.



(DATO' SERI UTAMA TAN SRI A. SAMAD IDRIS)

Pengerusi

Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Muzium Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus

Kandungan

	Halaman
PENGENALAN	ii - x
BAB 1	
Pemilikan dan Pentadbiran Tanah Dibawah Sistem Tradisional	1 - 41
BAB 2	
Pengenalan Sistem Torrens dan Enakmen-Enakmen Pentadbiran Tanah Adat	42 - 87
BAB 3	
Kedudukan dan Peranan Ketua Adat dalam Pentadbiran Tanah	88 - 126
BAB 4	
Implikasi Dari Suatu Pemilikan dan Pentadbiran	127 - 148
Kesimpulan	149 - 155
Bibliografi	156 - 158
Lampiran	159 - 234

Pengenalan

SEORANG penulis mengatakan bahawa banyak kajian telah dibuat oleh golongan pentadbir kolonial dan cendekiawan tentang perubahan sosio-ekonomi dan politik tempatan berikutan dari pelaksanaan pentadbiran kolonial, akan tetapi dalam kajian mereka itu tajuk mengenai tanah kurang mendapat perhatian, pada hal tanah merupakan soal pokok kepada masalah-masalah dan situasi tertentu dalam sejarah Malaysia.¹ Kemungkinannya tajuk tentang tanah ini tidak menarik minat pengkaji-pengkaji dari disiplin sejarah lantaran aspek-aspek yang berhubung dengan politik lebih menarik. Pegawai-pegawai tadbir kolonial pula adalah lebih cenderung mengkaji tentang segala aspek sosial, pemikiran, sikap dan kebudayaan orang Melayu kerana bidang-bidang ini lebih memberi makna kepada mereka dalam menjalankan tugas sebagai golongan yang menjajah. Memandangkan kepada kemunduran orang Melayu dalam bidang ekonomi aspek-aspek yang berhubung dengan tanah tidak seharusnya diabaikan, terutamanya terhadap tanah adat dan tanah simpanan Melayu yang sering dijadikan isu. Sejarawan juga harus memberi perhatian terhadap tajuk yang berkaitan dengan tanah, terutama tentang sistem pentadbiran dan pelaksanaan, memandangkan peripentingnya faktor tanah dalam pembangunan ekonomi, dalam penyusunan semula masyarakat dan dalam mengatasi masalah-masalah sosial.

Bekas Menteri Besar Negeri Sembilan, Dr. Mohd. Said pernah mengemukakan pendapatnya tentang Adat Perpatih khususnya tentang kelemahan sistem pentadbiran tanah adat itu dalam menghadapi cabaran pembangunan ekonomi.² Beliau telah menerbitkan beberapa siri artikel dalam akhbar *Berita Harian* Julai, 1968. Artikel pertamanya disiarkan pada 17 Julai adalah tentang sejarah awal Negeri Sembilan. Dalam siri kedua (18 Julai), beliau telah menerangkan tentang sistem 'matrilineal'; dan dalam siri ketiga (20 Julai), beliau menekankan bahawa Adat Perpatih itu tidak susah untuk difahami. Dalam siri terakhir (21 Julai) beliau

mengatakan bahawa kerajaan Negeri Sembilan mungkin terpaksa mempertimbangkan kembali sikapnya terhadap adat, kerana pada pendapat beliau penerusan adat itu menghalang pembangunan ekonomi negeri. Beliau juga mengatakan bahawa kemunduran hasil pertanian di Negeri Sembilan adalah kerana lapan puluh peratus dari tenaga yang betul-betul bertungkus-lumus mengerjakan tanah pertanian adalah kaum wanita. Tambahnya lagi kurangnya tenaga lelaki dalam penghasilan itu adalah kerana adat. Adat mengakui hak wanita keatas tanah adat dan penetapan keluarga sesudah berkahwin adalah di tempat kediaman keluarga isteri. Sistem perwarisan pula mengakibatkan pemecahan tanah dan ini turut menjatuhkan hasil ekonomi.

Dalam suatu seminar Adat Perpatih yang diadakan di Sekolah Menengah Johol dalam bulan Mei 1977 dahulu, seorang Pegawai Daerah telah memberikan pendapat beliau bahawa peranturan-peraturan adat yang dikekalkan dalam sistem pentadbiran tanah, bukan sahaja merumitkan tanggungjawab seorang Pemungut Hasil Tanah, tetapi peraturan-peraturan adat itu dianggap tidak dapat memenuhi kehendak-kehendak perkembangan pembangunan. Terdapatnya pendapat-pendapat yang telah dilahirkan oleh seorang sejarawan ekonomi dan tokoh-tokoh pentadbir ini telah menarik minat penulis untuk membuat kajian ke atas sejarah perkembangan pentadbiran tanah masyarakat adat.

Masyarakat Melayu Negeri Sembilan adalah agak unik jika dibandingkan dengan masyarakat Melayu ditempat lain. Mereka mengamalkan suatu sistem sosial berasaskan sistem Adat Perpatih,³ dimana kelompok-kelompok sosial hidup cara kolektif bergotong-royong. Bagi masyarakat yang mengamalkan sistem ini kedapatan suatu istilah iaitu 'tanah pesaka adat' atau lebih dikenali sebagai tanah adat yang bermaksud tanah harta kepada suku-suku tertentu yang diwariskan kepada anggotanya dari generasi ke generasi. Istilah ini juga merupakan sesuatu diantara perkara-perkara yang asasi dalam sistem Adat Perpatih ini.

Beberapa orang penulis telah memberikan huraian lanjut tentang aspek ini, akan tetapi tidak ramai di antara mereka itu yang telah mengkaji dengan mendalam tentang berbagai aspek sistem pentadbirannya. Penulis-penulis yang terdiri dari pegawai-pegawai tadbir British dahulu seperti Parr, Mackray, Martin Lister, Taylor, Maxwell, Winstedt dan beberapa orang lagi telah menyentuh tentang aspek tanah dalam kajian mereka yang berhubung dengan Adat Perpatih.⁴ Dalam penulisan mereka itu perbicaraan mengenai tanah adalah tentang sistem perwarisan

saja. Kebanyakan hasil kajian mereka ini adalah bagi memenuhi keperluan bakal-bakal pegawai British yang ditugaskan berkhidmat di Negeri Sembilan ketika itu. Pada awal tahun tujuh puluhan pula seorang penulis barat, M.B Hooker, telah mengkaji tentang hukum-hukum adat Melayu dengan memberi perhatian khas terhadap hukum-hukum Adat Perpatih.⁵ Beliau telah banyak membincangkan tentang sistem perwarisan harta (tanah) yang diamalkan dalam daerah Kuala Pilah. Beliau berpendapat sistem yang diamalkan dalam daerah tersebut agak kompleks kerana dalam sistem perwarisan yang diamalkan itu penghakiman adalah merujuk kepada hukum Adat Perpatih, undang-undang Islam dan perundangan moden. Oleh kerana Hooker seorang ahli undang-undang kajiannya dalam beberapa aspek pentadbiran tanah itu ditumpukan kepada perundangan saja. Ia juga melengkapkan dengan beberapa kes bagi membuktikan masalah-masalah yang timbul dalam penghakiman mengikut perundangan moden, hukum-hukum Islam dan hukum adat. Seorang lagi penulis, Josselin de Jong, telah juga menyentuh tentang aspek pentadbiran tanah pesaka dalam kajiannya tentang Adat Perpatih di Negeri Sembilan, dibuat dalam bentuk perbandingan dengan yang terdapat di wilayah adat Minangkabau.⁶ Penulisanannya adalah tertumpu kepada wilayah adat berasaskan disiplin antropologi maka ini perbandingannya tentang beberapa aspek tanah pesaka adalah dengan cara kebetulan saja.

Penulis-penulis tempatan seperti Nordin Selat,⁷ Mohd Isa Mahmud,⁸ dan lain-lain telah juga membincangkan tentang tanah pesaka dan beberapa aspek pentadbirannya mengikut hukum-hukum adat. Mereka ini pula melihat dari sudut keunggulan sistem itu saja. Sepanjang yang diketahui tiada sejarawan yang telah membuat kajiidikan yang merangkumi semua aspek yang berhubung dengan pentadbiran tanah pesaka masyarakat adat seperti yang dijalankan dalam kajian ini. Aspek-aspek berkenaan saling berkait dan adalah tidak mungkin lengkap jika sesuatu aspek itu ditinggalkan.

Pada umumnya sistem pentadbiran tanah di negara ini adalah sama atau tetapi bagi tanah-tanah pesaka seperti yang terdapat di Negeri Sembilan adalah agak unik, kerana pentadbirannya adalah tertakluk kepada Kanun Tanah, Hukum-hukum Islam dan Hukum-hukum Adat ini sendiri. Bila kita hahsi, kemukakan sistem pentadbiran yang terdapat ini adalah merupakan hakikat bahawa disamping perubahan-perubahan yang berlaku hasil dari penjajahan British terdapat juga elemen-elemen kesinambungan.

Pernah diperkatakan bahawa 'Adat itu bersendikan syara', 'syara' bersendikan hukum dan hukum bersendikan kitab Allah'. Apa yang didapati dari segi agama Islam pentadbiran dari aspek perwarisan tanah itu adalah bertentangan, tetapi dikekalkan. Begitu juga bila sistem pentadbiran moden diperkenalkan beberapa aspek tentang sistem pentadbiran tradisional itu juga dikekalkan dan disesuaikan.⁹

Kajian ini merupakan suatu percubaan, meneliti enakmen-enakmen pentadbiran tanah pesaka itu dengan melihat kembali pada sejarahnya iaitu pentadbiran zaman tradisional dan mengikuti evolusi perkembangannya dengan pelaksanaan sistem Torrens. Tumpuan kajian yang utama adalah setelah pelaksanaan sistem pentadbiran moden yang diperkenalkan oleh British, meninjau mengapa British mengekalkan beberapa aspek sistem lama itu, hingga kini menjadi sebahagian sistem perundangan negara. Apakah motif pengguhaan Customary Tenure Enactment itu? Bagaimana pula kedudukan tanah pesaka dalam Perlembagaan Negeri Sembilan dan Perlembagaan Negara? Perhatian adalah diberi pada kesannya dari segi ekonomi zaman kini dan kesannya dari segi sosial dengan merujuk kepada kes-kes tertentu.¹⁰ Dengan pendedahan kes-kes ini dijangkakan akan dapat menghidupkan perbincangan-perbincangan yang berkaitan dan akan dijadikan sebagai contoh kepada sesetengah pendapat yang dikemukakan. Dikatakan bahawa Customary Tenure Enactment 1909 itu bertujuan untuk melindungi tanah adat, di dalam kajian yang dijalankan didapati ada juga tanah adat yang secara tidak langsung terlepas kepada orang Cina. Seringkali juga diperbincangkan bahawa sistem pentadbiran tanah pesaka adat itu, khasnya tentang hukum perwarisan adalah bertentangan dengan undang-undang Islam. Perbincangan tentang masalah ini akan juga ditinjau untuk melihat kedudukan sebenar, dengan mengkaji mengapa sistem itu dikekalkan dan apakah sistem pentadbiran tanah pesaka itu perlu disesuaikan mengikut perkembangan zaman dan perkembangan ekonomi? Apabila timbul ura-ura mengadakan pembaharuan seperti yang disarankan oleh Mohamad Said dahulu, golongan yang menentang adalah ketua-ketua adat, iaitu Undang, Penghulu dan Lembaga, sedangkan penentangannya dari orang ramai adalah tidak jelas. Harus difikirkan juga penentang-penentang ini mempunyai kepentingan sendiri. Wujudnya kedudukan mereka adalah kerana sistem adat itu. Mereka adalah sebagai ketua adat tetapi fungsi mereka dalam sistem birokrasi hampir tidak ada kecuali dalam

hal tanah pesaka.

Sumber utama yang digunakan dalam kajian ini terdiri dari Negeri Sembilan *Annual Report*, Negeri Sembilan *Government Gazettes*, *Harvey Papers*, bahan-bahan cetak kerajaan seperti Perlembagaan Negeri Sembilan, Perlembagaan Persatuan Tanah Melayu, *Customary Tenure Enactment* 1909, *Customary Tenure Enactment* 1926, *Customary Tenure Enactment* 1936, *Customary Tenure (Amendment) Ordinance* No. 23 of 1949, *Customary Tenure (State of Negeri Sembilan) Ordinance* No. 33 of 1952, *Customary Tenure (Lengkuungan Lands) Enactment* No. 4 1960, *Undang of Rembua (Lands) Enactment* No. 2 of 1949, *Small Estates (Distribution) Ordinance* No. 34 of 1955, *Small Estates (Distribution) (Amendment) Ordinance* No. 26 of 1959, *The Land Code* 1926, *National Land Code (Act 56 of 1965)*, *Fail-Fail Pejihat Tanah Daerah Kuala Pilah* dan dokumen tertulis lain yang berkaitan. Didapati bahawa kajian ke atas tajuk seperti ini adalah tidak mungkin lengkap tanpa merujuk kepada keterangan lisan yang perlu dikutip dari kalangan anggota masyarakat berkenaan.

Suatu yang istimewa dalam kajian ini ialah keterangan sejarah yang terdapat dalam tradisi lisan sesuatu daerah adat itu. Tradisi lisan ini ada yang berbentuk naratif dan ada yang berbentuk puisi. Yang berbentuk naratif ini adalah keterangan tentang sejarah unit-unit politik yang terdapat seperti sejarah institusi undang-penghulu dan lain-lainnya bagi sesuatu daerah adat itu. Termasuk juga naratif tentang jurai keturunan perut-perut tertentu untuk menentukan giliran dan kelayakan seseorang calon ketua adat itu. Manakala tradisi lisan yang berbentuk puisi adalah perbitangan adat yang merupakan keterangan tentang hukum-hukum dan peraturan pentadbiran sistem sosial dan ekonominya. Tradisi-tradisi lisan ini memainkan peranan penting dalam menjaga keharmonian masyarakatnya. Ketua-ketua adat adalah merupakan pemegang tradisi-tradisi lisan berkenaan. Walaupun tidak ada sistem pembelajaran tertentu bagi seseorang pemegang tradisi ini seperti yang terdapat di kalangan masyarakat-masyarakat di Afrika, dan di tempat-tempat lain, namun demikian kedudukan seseorang ketua adat itu seperti buapak, lembaga, penghulu dan lain-lainnya memaksa seseorang itu mempelajari tradisi-tradisi lisan yang berhubungan dengan salasilah wilayahnya, jurai keturunan perut, dan segala hukum-hukum adat berhubungan dengan suktu dan wilayahnya.

Kedudukan seseorang itu sebagai ketua adat akan terjejas

sekitarnya ia tidak mengetahui tradisi-tradisi lisan berkenaan. Berbeza dari tradisi-tradisi lisan yang biasa terdapat tradisi lisan masyarakat adat ini boleh digunakan sebagai sumber sejarah. Berbeza dari tradisi lisan yang biasa, tradisi lisan yang terdapat di dalam sesuatu daerah adat itu boleh dianggap mempunyai pemegangnya yang tertentu. Tradisi ini mempunyai fungsi tersendiri dan penuturannya biasa dilakukan dalam upacara tertentu. Perbikongan-perbikongan adat yang berbentuk puisi itu senang dihafadi dan tidak mudah mengalami interpolasi. Manakala yang berbentuk naratif dan genealogi itu boleh juga digunakan sebagai sumber sejarah kiranya dapat ditentukan ketuluan, kemnasabahan tradisi berkenaan dan juga kredibiliti penuturnya melalui proses penilaian 'intrinsic and extrinsic criticism'. Pentadbiran yang diamalkan sebelum campurtangan British dahulu boleh dilihat melalui kajian ke atas tradisi-tradisi lisan ini.

Selain dari tradisi lisan, keterangan proto dan keterangan saksimata juga digunakan bagi mendapatkan keterangan lanjut tentang kes yang dikaji. Ini adalah perlu kerana apa yang tercatat dalam buku Rekod Rakaman Perbicaraan Pemungut Hasil Tanah itu adalah keterangan ringkas sahaja. Wawancara telah diadakan dengan orang-orang yang terlibat dalam kes-kes yang dikaji. Begitu juga dengan masalah pentadbiran, keterangan lisan beberapa orang bekas pegawai yang terlibat dan mengetahui sendiri tentang sistem pentadbiran tanah yang diperkenalkan oleh British itu diperolehi untuk melihat apakah kesulitan dalam menjalankan tugas sebagai pegawai tanah. Antara mereka ialah bekas penghulu mukim, Pemungut Hasil Tanah Kuala Pilah, Pembantu Pemungut Hasil Tanah Kuala Pilah dan beberapa orang lagi.

Dalam pada itu kaedah soal selidik telah juga dijalankan untuk melengkapkan kajian dengan data-data yang tertentu untuk penelitian yang lebih dalam bagi keperluan dalam bab-bab yang tertentu. Misalnya jika diperkatakan bahawa sistem perwarisan itu mengakibatkan pemecahan dan gagal dalam matlamatnya menjamin ekonomi kaum wanita. Maka dijalankan kerja lapangan mengedarkan soal selidik di beberapa buah kampung berhampiran untuk mengetahui berapakah luas tanah yang dimiliki oleh kaum wanitanya dan berapa pula jumlah wanita yang bakal mewarisi harta itu. Dengan demikian dapat diperkuatkan sesuatu pendapat yang diberi.

Kajian ini ditumpukan di daerah Kuala Pilah atas beberapa sebab. Pertama, selain dari tanah adat Rembau, daerah Kuala Pilah mempunyai kehasan tanah pesaka yang terhasar mahupun jenis

tanah kampung, tanah sawah atau tanah dusun berhanding dengan daerah Jelebu, Tampin, Port Dickson dan Seremban. Kedua, tujuan awal enactment tanah adat CTE 1909 itu digubal adalah untuk panduan Pemungut Hasil Tanah yang mentadbirkan tanah masyarakat adat di dalam daerah Kuala Pilah.¹¹ Pegawai-pegawai tadbir British yang membuat draf undang-undang CTE itu adalah mereka yang pernah berkhidmat sebagai Pegawai Daerah Kuala Pilah. Ketiga, masyarakat yang mengamalkan sistem pentadbiran demikian masih memegang kuat kepada peraturan Adat Perpatih itu sendiri. Sedangkan dalam daerah-daerah lain sistem pentadbiran demikian tidak begitu praktikal; misalnya daerah Seremban atau Port Dickson, tanah posaka yang terdapat dalam kedua-dua daerah tersebut tidak seluas seperti yang terdapat dalam daerah Kuala Pilah. Masyarakat Melayunya pula tidak begitu terikat kepada hukum-hukum Adat Perpatih. Oleh yang demikian pemilihan daerah Kuala Pilah bagi kajian ini dapat mewakili daerah-daerah lain dalam pemilikan dan pentadbiran tanah adat di Negeri Sembilan.

Tarikh yang ditonjolkan ialah antara zaman pemerintahan tradisional, pengenalan sistem pentadbiran moden pada zaman British, dan kuatkuasa pentadbiran berkenaan hingga kini. Pemilihan jangkawaktu yang demikian difikirkan dapat mengkaji perubahan, penyesuaian dan pengekalan peraturan adat dalam pentadbiran moden seperti yang telah berlaku. Semasa pemerintahan Inggeris itulah undang-undang pentadbiran tanah masyarakat adat dihasilkan. Namun demikian sehingga pemergian Inggeris mereka hanya berjaya menghasilkan undang-undang pentadbiran tanah masyarakat adat suku yang dua belas sahaja. Sedangkan di Kuala Pilah terdapat suatu jenis tanah adat lagi yang perlukan undang-undang pentadbiran yang berlainan iaitu tanah masyarakat adat lingkungan.

1. Lim Teck Ghee, *Origins of Colonial Economy: Land and Agriculture in Perak 1874 - 1897* (Penang: Penerbitan USM, 1976), h. 3.
2. Mohd. Said bin Mohamed ialah bekas Menteri Besar Negeri Sembilan 1959-1969. Sikap beliau terhadap adat telah dipersoalkan oleh ketua-ketua adat. Sebagai ketua pentadbir beliau adalah seorang yang tegas dan seorang yang praktikal.
3. Suatu perkara yang menarik mengenai hukum Adat Perpatih itu ialah, di samping ia terkumpul di dalam perbilangan-perbilangan ia juga merupakan asas bagi pembentukan beberapa bahagian undang-undang tanah di Negeri Sembilan.
4. Antara kajian yang berkaitan ialah Parr, C.W.G. & Mackray, W.H., 'Rembau, One of the Nine States, its History, Constitution and Customs', *JSBRAS*, Vol. LVI, 1910; Martin Lister, 'The Negri Sembilan, Their Origin and Constitution', *JSBRAS*, Vol. XXI, 1890; E.N. Taylor, 'The Customary Law of Rembau', *JMBRAS*, Vol. XII, Pt. 1, 1929, dan 'Inheritance in Negri Sembilan', *JMBRAS*, Vol. XXI, Pt. 2, 1948; W. Maxwell, 'The Law and Customs of the Malays with Reference to the Tenure of Land', *JSBRAS*, Vol. XIII, 1884; dan R.O. Winstedt & Josselin de Jong, 'A Digest of Customary Law From Sungai Ujung', *JMBRAS*, Vol. XXVII, Pt. 3, 1954.
5. M.B. Hooker ialah seorang ahli undang-undang, semasa menghasilkan penulisannya Hooker berkhidmat sebagai Pengarah Fakulti Undang-Undang, University of Singapore. Antara hasil kajian yang berhubung dengan sistem pentadbiran tanah pusaka ialah: *Readings in Malay Adat Laws*, (Singapore, 1970); 'The Interaction of Legislation and Customary Law in a Malay State', *American Journal of Comparative Law*, Vol. 16, 1968.
6. Josselin de Jong, *Minangkabau and Negeri Sembilan* (Jakarta: Bhanatira, 1960).
7. Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih* (Kuala Lumpur: 1967).

8. Mohd. Isa Mahmud, *Adat Bersuku Cara Perpatih* (Seremban: 1936).
9. Dalam tahun 1909 'Customary Tenure Enactment', telah diperkenalkan. Undang-undang ini adalah khas untuk pentadbiran tanah pesaka dimana sistem pentadbiran tanah mengikut Adat Perpatih itu dalam beberapa aspek telah dikekalkan.
10. Terdapat banyak kesan-kesan sosial yang buruk berlaku akibat pelaksanaan sistem pentadbiran sesudah kedatangan British ini. Di dalam tulisan ini cuma beberapa di antara kes yang difikirkan dapat dijadikan sebagai bahan untuk difikirkan bersama dikedahkan.
11. CTE 1909 digubal untuk pentadbiran tanah adat dalam daerah Kuala Pilah. Undang-undang ini dikuatkuasakan dalam daerah Tampin adalah kerana sebahagian luak Johol termasuk dalam pentadbiran daerah Tampin dibawah penyusunan daerah pentadbiran yang dilakukan oleh Inggeris.

CTE 1926 - Undang-undang tersebut diluaskan ke daerah Jelebu di samping tujuan asalnya ialah untuk pentadbiran daerah Kuala Pilah. Undang-undang CTE Cap. 215 dikuatkuasakan cara resmi ke daerah Rembau dalam tahun 1949.

Ordinan Penyelesaian Harta Pesaka Kecil 1955 adalah bertujuan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam undang-undang CTE.

Bab Dua

Pengenalan Sistem Torrens dan Enakmen-Enakmen Pentadbiran Tanah Adat

PENGARUH British berkembang di Negeri Sembilan secara berperingkat-peringkat. Ini adalah kerana minat Inggeris tertumpu kepada kawasan-kawasan yang boleh didapati hasil galian bijih.¹ Union Jack yang pertama dikibarkan di negeri tersebut ialah di Sungai Ujong pada 10hb. Oktober 1874. Ini adalah kerana di Sungai Ujong terdapatnya hasil-hasil bijih yang terdapat di antara wilayah-wilayah adat dalam Negeri Sembilan. Pengaruh British kemudiannya meluas ke Jelebu iaitu dalam tahun 1883. Di Jelebu juga terdapat hasil-hasil bijih pada masa itu. Dari Jelebu British mengarahkan pandangannya pula ke wilayah-wilayah adat yang kini dikenali sebagai daerah Kuala Pilah. Di Kuala Pilah terdapat juga lombong-lombong bijih. Pengaruh British ke daerah ini berpunca dari Perang Bukit Putus yang berlaku dalam tahun 1874. Yam Tuan Antah telah kalah dalam peperangan itu tetapi tiga tahun kemudian (1877) pihak Inggeris telah membenarkan Yam Tuan Antah kembali ke Sri Menanti sebagai Yam Tuan bagi Luak Tanah Mangandung dan Luak Johol sahaja. Dalam masa yang sama British telah meluaskan pengaruhnya ke atas Luak Rembau. Akhirnya pada tahun 1889 Rembau dan Kuala Pilah telah diletakkan di bawah naungan kerajaan Inggeris dengan dipedintah oleh seorang Pegawai Tadbir yang digelarkan Residen Negeri Sembilan. Sungai Ujong dan Jelebu diletakkan di bawah pentadbiran yang berasingan. Pentadbiran diketuai oleh Pegawai Inggeris yang bergelar Residen Sungai Ujong. Pada tahun 1891 daerah ini kemudiannya telah disatukan di bawah satu persekutuan iaitu Negeri Sembilan.² Pentadbiran bagi keseluruhan negeri ini pula diletakkan di bawah seorang Residen British yang bertanggungjawab ke atas semua urusan kecuali urusan-urusan yang berkaitan dengan agama dan adat istiadat orang Melayu.

Apabila perjanjian penyerahan kuasa pentadbiran telah dibuat, pihak Inggeris telah mewujudkan suatu sistem birokrasi. Di bawah

sistem baru ini keenam-enam luak dalam daerah Kuala Pilah diletakkan di bawah satu pentadbiran daerah yang berpusat di Kuala Pilah. Pentadbiran daerah ini pula adalah tertakluk di bawah pentadbiran Negeri yang berpusat di Seremban. Ketua pentadbir di peringkat daerah digelar Majistret dan Pemungut Hasil Tanah. Pentadbiran ini bertanggungjawab ke atas pentadbiran yang berhubung dengan tanah, misalnya memungut hasil tanah, menguruskan pemindahan hakmilik, mengadakan kes-kes tuntutan ke atas hakmilik tanah dan sebagainya lagi. Atas tugas-tugas ini Pegawai Daerah diwartakan sebagai 'Magistrate' kelas pertama dan digelar juga sebagai Pemungut Hasil Tanah (*Collector of Land Revenue*).³ Selain dari ini ia juga bertanggungjawab ke atas ketenteraman dan keselamatan, kehajikan sosial penduduk-penduduk, termasuk juga bidang pelajaran.⁴ Untuk melaksanakan pentadbiran di peringkat daerah ini Pegawai Daerah dibantu oleh beberapa orang Pegawai Tadbir yang bertanggungjawab ke atas bahagian-bahagian tertentu.

Untuk memudahkan dan melicinkan pentadbiran, pihak Inggeris telah membahagikan daerah pentadbiran kepada beberapa mukim. Di Kuala Pilah ketika itu terdapat lima belas mukim, iaitu Johol, Kenis, Pilah, Ampang Tinggi, Ulu Muar, Terachi, Sei Menanti, Joaseh, Ulu Jempol, Serting, Hilir, Langkap, Parit Tinggi, Rompin dan Jelai. Tiap-tiap mukim diwujudkan jawatan Penghulu Mukim dan di tiap-tiap kampung pula diwujudkan jawatan Ketua Kampung. Penghulu Mukim ialah Pegawai bergaji yang dilantik oleh Pegawai Daerah. Ketua kampung adakah juga dilantik oleh Pegawai Daerah tetapi ia bukan pegawai yang diberi gaji, kecuali elaan tahunan sebagai saguhati. Antara tanggungjawab Penghulu yang berkaitan ialah untuk memastikan tiada pembalakan dijalankan secara haram, mengeluarkan lesen memungut hasil hutan, menggalakkan pertanian, mengeluarkan permit-permit dan memungut hasil tanah dalam mukim tersebut.⁵ Jawatan-jawatan penghulu dan ketua kampung ini dikhiaskan untuk Bumiputera kerana memang dasar British bahawa 'Bumiputera sebaiknya ditadbirkan melalui agensi Bumiputera'. Pada praktiknya semua dasar-dasar telah dibuat oleh pihak Inggeris, dikuatkuasakan atas nama Raja Melayu. Perlaksanaan terhadap orang-orang Melayu dijalankan oleh Penghulu dan ketua kampung yang berkhidmat di bawah arahan Pegawai Inggeris. Dengan demikian orang Melayu tidak akan merasai bahawa mereka diperintah oleh keturunan yang berlainan agama dan bangsa.

Melihat pada sistem pentadbiran yang diperkenalkan ini bermakna bahawa ketua-ketua adat tiada lagi berperanan dalam pentadbiran kecuali dalam perkara-perkara adat, lantaran mereka ini tidak layak untuk menjawar jawatan sebagai pegawai tadbir dalam sistem birokrasi. Untuk memelihara hati ketua-ketua adat ini mereka telah diberi elaun bulanan serta pelepasan cukai tanah pesaka telapak mereka. Perjanjian menjelaskan bahawa Inggeris berhak menasihat dalam semua perkara kecuali dalam hal-hal adat dan agama orang Melayu. Sebagai menghormati perjanjian ini, jawatan ketua adat dikekalkan dan fungsi-fungsi mereka ke atas adat istiadat diteruskan.

Tujuan utama pihak Inggeris menyusun sistem pentadbiran adalah untuk mewujudkan suatu pentadbiran yang lebih teratur, lebih cekap dan lebih berkesan. Bagi pentadbiran tanah pula pentadbir Inggeris telah menyusun semula sistem pentadbiran tanah dengan mengadakan penyesuaian undang-undang tanah dari masa ke semasa demi untuk mewujudkan suatu undang-undang tanah yang lengkap, di samping menjaga kepentingan ekonomi mereka dan melaksanakan tanggungjawab sebagai pelindung pada soal agama dan adat orang Melayu.

Suatu laporan mengatakan,

In general the first object of British Land Policy has been to fix and stabilise the whole land situation by vesting supreme control of all land in the territory and over all changes in it whether of tenure, title, alienation or transfer.⁷

Merujuk pada laporan ini memanglah benar bahawa British telah menghasilkan suatu sistem pentadbiran tanah yang lengkap dan kekal hingga kini. Penghasilan tersebut adalah dengan cara penguasaan cara mutlak ke atas tanah melalui peruntukan dalam perjanjian yang dibuat dengan pembesar-pembesar tempatan. Bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu terdapat peruntukan yang memberi *right of regulation of the collection and control of all Revenue and the General Administration of the country.*⁸ British menguasai penuh pentadbiran tanah. Dengan itu semua undang-undang tanah yang dimaksudkan untuk pentadbiran tanah daerah Kuala Pilah adalah undang-undang yang telah digubal oleh pegawai-pegawai tadbir British yang telah berkhidmat di daerah tersebut. Penyertaan ketua-ketua adat tiada kedapatan maka ini segala

undang-undang untuk pentadbiran tanah milik masyarakat adat dalam perkembangan semasa dahulu adalah sentiasa berubah-ubah. Seperti yang telah dikatakan antara pertimbangan-pertimbangan dalam menggubal undang-undang ini, perhatian adalah diberi pada kepentingan ekonomi British, tanggungjawab untuk melindungi orang Melayu dari penindasan kaum mendatang, dan perkara-perkara yang berkaitan dengan agama dan adat istiadat orang Melayu. Untuk memenuhi kehendak-kehendak inilah maka perhatian ke atas undang-undang itu terpaksa dilakukan masa ke semasa.

Pegawai-pegawai British di peringkat tertinggi sentiasa pula memberi ingatan kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mengkaji dan menggubal undang-undang tanah itu. Governor Negeri Selat, Cecil Clement Smith, pernah mengingatkan pegawai pegawainya yang membuat kajian ke atas cukai-cukai tanah di negeri Selangor supaya mempertimbangkan kemungkinan Bumiputera akan bertindak menentang cukai-cukai tanah yang dinaikkan cara mendadak.⁹ Frank Swettenham ketika menjadi 'Resident General', pernah mengemukakan surat pekililing memberi ingatan kepada pegawai-pegawai tadbir yang menyelaraskan undang-undang tanah supaya tidak mencampuri soal-soal pentadbiran tanah yang mengikut adat tempatan.¹⁰ Bagi pegawai-pegawai tadbir Inggeris dalam melaksanakan sesuatu perubahan itu mereka agak teliti agar tidak bertentangan dengan agama dan adat istiadat orang Melayu. Ini dapat kita lihat ke atas dasar British dalam melaksanakan perubahan pentadbiran tanah. Segala aspek yang berhubungan dengan agama dan adat orang Melayu adalah diberi perhatian, misalnya dalam sistem pembahagian dan perwarisan. Bagi tanah kepunyaan masyarakat bukan Adat Perpatih perwarisan adalah berdasarkan hukum faraid atau adat masyarakat tersebut. Bagi tanah adat dan tanah bukan pesaka adat masyarakat Adat Perpatih perwarisan dan pembahagian adalah mengikut hukum Adat Perpatih sehingga tahun 1909. Sesudah dari tarikh ini pentadbiran tanah yang telah dicatatkan 'Customary Land' pada gerannya adalah mengikut peraturan adat. Manakala bagi hakmilik tanah yang tidak dicatatkan 'Customary Land' segala urusan pemindahan hakmilik, perwarisan dan pembahagiannya ada yang mengikut hukum-hukum Islam dan ada yang mengikut hukum-hukum adat.

Mengikut E.N. Taylor, adalah menjadi dasar British mengekalkan sistem perwarisan dan pembahagian tanah sesuatu masyarakat itu dalam pentadbiran yang mereka perkenalkan.¹¹

Pengekalan ini adalah kerana Prinsip Undang-Undang Am 'The General Principle of Law' yang mengatakan harta seseorang itu hendaklah ditentukan pembahagian dan perwarisannya mengikut adat dan agama yang dianuti oleh individu berkaitan seperti diperkatakan 'the law follows the person'. Seperti yang dipraktikkan di England, jika seseorang warganegara Perancis yang mati dan meninggalkan harta di England, pembahagian dan perwarisan harta tersebut akan mengikut undang-undang Perancis dan bukan mengikut undang-undang British. Prinsip yang dikenali sebagai 'the general principle of law' ini dipraktikkan juga di tanah-tanah jajahan. Di India misalnya, British telah mengekalkan sistem pembahagian dan perwarisan tanah mengikut adat-adat yang dipraktikkan oleh masyarakat sesuatu suku kaum tersebut. Merujuk kepada kenyataan Taylor itu mungkin juga pengekalan dan penyesuaian beberapa aspek sistem pentadbiran tradisional dalam pentadbiran baru ini adalah kerana dasar British sedemikian, iaitu memegang kepada prinsip 'the general principle of law'.

Selakut mana pertimbangan yang telah dinyatakan di atas diberi perhatian dan sejauh mana pula prinsip 'the general principle of law' itu diikuti dalam pentadbiran tanah masyarakat adat, perlu dikaji sejarah perkembangan undang-undangnya dan pentadbiran yang telah dipraktikkan.

PERKEMBANGAN UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN TANAH

Undang-undang dan bentuk pentadbiran tanah bagi Negeri Sembilan adalah merupakan persambungan dari kanun-kanun tanah dan bentuk pentadbiran tanah yang telah dipraktikkan di Negeri-Negeri Selat dan di negeri-negeri Melayu lain. Ini adalah lantaran perujajahan

British ke atas negeri-negeri tersebut adalah lebih awal. Lihat sahaja sistem pendaftaran tanah yang terdapat dalam 'Land Regulations' 1887 dan 'General Land Regulations' 1889,¹² sistem tersebut adalah berpandukan kepada Sistem Torrens yang

diperkenalkan di Negeri-Negeri Selat oleh Maxwell. Begitu juga dengan kanun-kanun yang berhubung dengan tanah adat 'Customary Land', perkara-perkara ini kebanyakannya dipadankan dari undang-undang 'Customary Land' seperti yang terdapat di Negeri-Negeri Selat dan negeri Selangor.¹³ Oleh itu dalam

mengkaji perkembangan pentadbiran tanah adat Negeri Sembilan perlu juga mengetahui tentang perkembangan pentadbiran tanah di Negeri-Negeri Selat, Selangor dan Perak dengan tumpuan kepada usaha-usaha Maxwell.¹⁴ Iaitu pegawai British yang bertanggungjawab mewujudkan sesuatu sistem pentadbiran tanah yang dianggap sesuai bagi keempat-empat negeri Melayu di bawah naungan British masa itu. Maxwell telah melakukan penyusunan semula undang-undang tanah yang telah dibuat oleh pegawai British di Negeri-Negeri Selat, Selangor dan Perak. Mengikut Maxwell undang-undang tanah yang terdapat di negeri-negeri tersebut didapati tidak sesuai dan menemui kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaannya. Misalnya dalam hal hakmilik berhubung dengan tanah milik Melayu pengiktirafan ke atas tanah tersebut merupakan pajakan selama 999 tahun.¹⁵ Kebanyakan undang-undang yang ada memberi perhatian ke arah menggalakkan perkembangan ekonomi pengusaha luar sedangkan perhatian terhadap ekonomi penduduk tempatan diabaikan. Begitu juga dengan perkara perkara yang berhubung dengan pentadbiran, misalnya dalam pendaftaran hakmilik didapati kebanyakan pendaftaran tidak mempunyai sistem yang tertentu.

Pejabat Tanah Jajahan telah menghantar Maxwell melawat sambil belajar ke pejabat-pejabat tanah di Australia, Ceylon dan Burma dalam tahun 1881. Sesembalinya Maxwell telah melakukan penyusunan semula ke atas sistem pentadbiran tanah Negeri-Negeri Selat dengan mengadakan beberapa pembaharuan. Ini meliputi sistem permohonan untuk mendapatkan hakmilik, taraf pemegangan hakmilik, pengiktirafan hak 'proprietary' orang Melayu, pembahagian kawasan pentadbiran pada mukim, penandaan sempadan-sempadan tanah dan lain-lain lagi. Maxwell dalam kedudukannya sebagai 'Commissioner of Land Title' telah membayangkan bahawa sistem pentadbiran tanah di Negeri-Negeri Melayu perlu disusun supaya selari dengan penyusunan semula yang dilakukan ke atas sistem pentadbiran tanah Negeri Selat. Maxwell menyarankan supaya pendaftaran hakmilik dilaksanakan mengikut Sistem Torrens.¹⁶ Sistem Torrens¹⁷ ialah suatu sistem pendaftaran pemilikan yang diperkenalkan di Australia. Mengikut sistem ini pendaftaran bagi pentindahan hakmilik dan penyukatan tanah yang dikelolakan oleh Jabatan Ketajaman haruslah dilaksanakan. Matlamat Sistem Torrens ini ialah untuk memudahkan urusan yang berkait dengan tanah dan untuk menjamin hakmilik individu ke atas tanah yang telah didaftarkan namanya.¹⁸ Ini menerangkan kedudukan sesuatu dokumen

pemilikan tanah itu dan akan menjatuhkan dari dikenakan kuatkuasa undang-undang atau dipalsukan. Setiap dokumen hakmilik yang dikeluarkan adalah diperakui sah dan dilindungi undang-undang. Setiap hakmilik yang dikeluarkan mestilah didaftarkan. Pendaftaran mestilah dibuat dengan jelas sebagai suatu sistem merekodkan segala urusan.¹⁹

Pada tahun 1889 Maxwell telah dilantik sebagai Residen Selangor. Maxwell telah memperkenalkan suatu kanun tanah yang baru yang telah diluluskan oleh Majlis Negeri, Negeri Selangor pada 9hb. April, 1891.²⁰ Dalam penyusunan semula tersebut Maxwell telah menekankan tentang perlunya diiktiraf beberapa aspek pemilikan tanah orang-orang Melayu dan seterusnya membuat peruntukan ke dalam kanun tanah yang baru.²¹ Jika Peraturan tanah tahun 1882 dahulu meletakkan tanah orang Melayu sebagai hakmilik pajakan kini dalam 'Selangor Land Code' 1891 tanah milik Melayu (tanah orang Melayu di luar kawasan bandar) adalah dianggap sebagai 'Customary Land'. Di bawah peruntukan seksyen 23, tanah di bawah bahagian ini diberikan hakmilik kekal, hak-hak perwarisan dan pemindahan hakmilik, hak penggunaan dan pendudukan. Pengukuran dan penandaan sempadan telah dijalankan dan segala butir-butir berhubung dengan hakmilik telah didaftarkan dalam Daftar Mukim 'Mukim Register'. Tiap-tiap tuan punya telah diberi geran hakmilik yang merupakan cabutan dari Daftar Mukim. Bagi tanah yang baharu dibuka tanah ini akan ditarafkan sebagai 'Customary Land' setelah tanah ini dimiliki oleh pemilik Muslim selama sepuluh tahun. Mengikut undang-undang 'Customary Land' ini di bawah peruntukan seksyen 21 dan 22 pemindahan hakmilik hanya boleh dilakukan antara seorang Muslim dengan seorang Muslim sahaja. Undang-undang yang demikian adalah bertujuan untuk mengawal tanah orang Melayu dari berpindah milik kepada bangsa asing dan juga untuk mengelakkan dari penindasan dan penipuan peminjam-peminjam wang.

Perkembangan undang-undang tanah yang berlaku di Negeri Selat dan Selangor telah mempengaruhi perkembangan pentadbiran tanah Negeri Sembilan. Sistem pendaftaran tanah yang diperkenalkan adalah mengikut Sistem Torrens yang telah diperkenalkan oleh Maxwell di Negeri-Negeri Selat. Idea pengubalan undang-undang 'Customary Tenure Enactment' yang dibuat kemudiannya adalah berdasarkan pada peruntukan yang terdapat di bawah Part III dalam Selangor Land Code 1891, dan peruntukan-peruntukan yang terdapat bagi 'Customary Land' di

Melaka. Objekrif undang-undang bagi 'Customary Land' di Melaka dan Selangor ialah untuk menyelamatkan tanah kepunyaan orang Melayu di samping mengekalkan beberapa aspek sistem pentadbiran tradisional.²² Objekrif pengubalan 'Customary Tenure Enactment' adalah juga sama, iaitu untuk mengelakkan tanah masyarakat adat dari berpindah milik kepada bukan Melayu dan juga untuk mengekalkan beberapa aspek sistem pentadbiran adat dalam konteks undang-undang moden.

LAND REGULATION 1887

Undang-undang tanah yang pertama digunakan untuk pentadbiran tanah masyarakat adat ialah Peraturan-Peraturan Tanah yang terkandung dalam Perintah (Order) 9 April 1887.²³ Peraturan-peraturan ini adalah merupakan peraturan sementara, hanya dikeluarkan oleh Pegawai Pentadbir British Sungai Ujong. Peraturan ini digunakan sementara menunggu pengubalan suatu kanoon tanah yang lengkap. Mengikut peraturan-peraturan tanah 1887 ini tanah telah dibahagikan kepada empat kategori iaitu tanah pertanian, tanah yang diduduki oleh bumiputera; tanah peruntukan tapak bangunan di kawasan bandar, kampung atau simpanan kerajaan, dan tanah simpanan lombong. Berdasarkan kepada peraturan ini juga dilihat belum ada peruntukan khas bagi tanah adat, oleh itu tanah adat adalah terakluk di bawah peraturan-peraturan tanah kelas II iaitu 'Tanah yang diduduki oleh bumiputera'.²⁴ Di bawah peraturan ini tanah adat mestilah didaftarkan di Pejabat Tanah Daerah, dimana semua butiran mestilah didaftarkan dengan lengkap. Tanah yang telah didaftarkan akan diukur dan ditetapkan cukainya. Tanah yang demikian akan ditarafkan sebagai milik sewa yang berkekalan 'lease in perpetuity' dan hakmilik tersebut adalah dijamin oleh kerajaan. Segala perbelanjaan mengukur dan bayaran pendaftaran sebanyak \$1.00 adalah tanggungan tuan tanah. Di samping itu tuan tanah dikehendaki membayar cukai tanah pada tiap-tiap awal tahun.

Bagi tanah dusun dan sawah yang telah diberikan milik pajakan yang berkekalan, kiranya tanah itu ditinggalkan selama tiga tahun berturut-turut, notis akan dikeluarkan pada tuan tanah supaya memajukan semula tanah tersebut dalam tempoh enam bulan. Kegagalan untuk mematuhi, Peraturan 14 memberi Pemungut Hasil Tanah kuasa membatalkan hakmilik tersebut. Peraturan ini

adalah sesuatu yang baru bagi masyarakat Adat Perpatih tertamunya dalam hal konsep hakmilik, cukai dan pentadbirannya. Mengikut Peraturan Tanah 1887 ini tanah adalah milik kerajaan, seseorang yang memiliki tanah itu pada dasarnya adalah penyewa tanah kerajaan. Pentadbir British menguaknasakan konsep hakmilik ini mengikut konsep hakmilik tanah bagi negeri-negeri Melayu lain. Bagi negeri-negeri Selangor dan Perak, tanah adalah milik raja, seseorang yang mengerjakan tanah dikhendaki menyerahkan sebahagian dari hasil tanaman (1/10) kepada raja atau pembesar tempatan sebagai cukai.²⁵ Konsep yang demikian dijadikan sebagai dasar oleh pentadbir Inggeris untuk mentadbirkan tanah di Perak dan Selangor. Konsep yang demikian dilaksanakan pula kepada masyarakat Adat Perpatih. Di bawah pentadbiran tradisional dahulu tanah adalah kepunyaan suku dan waris, kini tanah adalah kepunyaan kerajaan. Kalau dahulu tiada dikenakan sebarang cukai, di bawah pentadbiran baru pemilik dikenakan cukai dan kegagalan untuk menjelaskannya boleh mengakibatkan tanah itu dilelong. Kalau dahulu tiada dokumen hakmilik, di bawah pentadbiran British tanah-tanah didaftar dan diberikan dokumen hakmilik. Dahulu pentadbiran bagi perwarisan dan pembahagian diuruskan oleh ketua-ketua adat; kini sebarang urusan tanah masalah dibawa kepada Pemungut Hasil Tanah.²⁶

Undang-undang tanah 1887 ini seolah-olah menghapuskan peranan ketua-ketua adat dalam pentadbiran tanah. Yang bertanggungjawab terhadap tanah itu ialah tuan tanahnya, sekiranya cukai tiada berbayar, Pemungut Hasil Tanah akan bertindak mengeluarkan notis dan mengenakan denda bagi bayaran lewat. Sekiranya dalam tempoh yang ditentukan itu tuan tanah tidak juga berdaya untuk menjelaskan bayaran cukai, Pemungut Hasil Tanah berkuasa untuk merampas dan melelong tanah tersebut.²⁷ Hal yang demikian menyebabkan seorang pemilik tanah adat itu merasai bahawa ia mempunyai hak yang penuh ke atas tanahnya walaupun dalam dokumen hakmilik yang awal ada dicatatkan nama suku dan Lembaga.²⁸ Akibat dari perkembangan ini didapati bahawa terdapat sedikit perbezaan dalam konsep hakmilik. Di bawah peraturan tanah 1887 ini walaupun tanah pada dasarnya milik suku tetapi seseorang itu lebih terjunin haknya di mana nama tuan tanah telah didaftarkan dan diakui sebagai pemilik yang sah dan bertanggungjawab pula ke atas tanahnya.

Di bawah sistem birokrasi seseorang pegawai tadbir hanya boleh

bertindak berdasarkan kepada sesuatu peraturan atau undang-undang yang tertulis. Peraturan-peraturan tanah 1887 ini tidak mengandungi peruntukan yang dikhaskan untuk pentadbiran tanah masyarakat adat. Dengan demikian seseorang Pegawai Tanah itu tidak sepi dari menghadapi masalah dalam pentadbiran tanah-tanah masyarakat adat. Kelemahan 'Land Regulations' 1887 ini mungkin kerana pegawai yang bertanggungjawab mengubal undang-undang itu kurang pengetahuan akan perbezaan antara adat yang diikuti di sesuatu tempat dengan yang lain. Undang-undang 1887 digubal berdasarkan pada masyarakat yang tinggal di Sungai Ujong di mana tidak semutunya yang menganut Adat Perpatih, sedangkan masyarakat yang tinggal dalam wilayah adat yang lain kesuruhannya terdiri dari masyarakat adat.

Sementara itu Martin Lister, Pengadil dan Pemungur Hasil Tanah yang pertama berkhidmat di daerah Kuala Pilah, telah d'arah menyediakan suatu draf undang-undang tanah yang lebih sesuai. Dalam menyediakan draf undang-undang tanah kepunyaan masyarakat Melayu, perhatian telah diberi kepada pemilikan masyarakat adat. Draf undang-undang tanah ini kemudiannya dihantar kepada Gabenor Negeri Selat untuk penyemakan dan kelulusan. Undang-undang ini kemudiannya dikenali sebagai 'General Land Regulations' dikuatkuasakan di bawah 'Order of December', 9, 1889.

GENERAL LAND REGULATIONS, 1889

Mengikut peruntukan yang terdapat dalam 'Order of December' 9, 1889, 'General Land Regulations' ²⁹ ini tanah dibahagikan kepada empat kategori iaitu, tanah untuk pertanian; tanah yang diduduki oleh bumiputera di bawah pemegangan orang Melayu; tanah peruntukan bangunan di bandar, kampung dan simpanan kerajaan; dan tanah simpanan lombong. Pembahagian tanah dan peraturan yang terdapat adalah lebih kurang sama seperti yang terkandung dalam 'Land Regulations' 1887, tetapi dari segi pentadbiran tanah masyarakat adat Peraturan Tanah 1889 adalah agak lebih jelas walaupun tiada peraturan yang dikhaskan untuk pentadbiran tanah adat. Mengikut peraturan 5 seseorang Islam yang memiliki tanah mengikut undang-undang dan adat negeri di mana tanah itu terletak dianggap mempunyai hakmilik kekal, hak untuk mewariskan dan memindahkan hakmilik dengan syarat:

- a. Menjelaskan cukai pendaftaran sebanyak \$1.00 setahun bagi setiap satu hakmilik atau apa-apa cukai yang akan dikenakan oleh 'Chief Officer In Council'.
- b. Kerajaan mempunyai hak untuk mencari gali sebarang bijih yang mungkin terdapat dalam perut bumi tersebut, dalam hal ini ganti rugi ke atas kerosakan akan dibayar pada toan tanah mengikut tafsiran 'Chief Officer'.
- c. Kerajaan juga berhak untuk mengambil tanah tersebut bagi kegunaan membina jalan, membuat parit dan taliair. Dalam hal ini juga ganti rugi mengikut taksiran 'Chief Officer' akan dibayar pada toan tanah.³⁰

Peraturan 6 menetapkan hakmilik ke atas tanah dan sawah yang tidak diusahakan selama tiga tahun berturut-turut, akan dibatalkan dan tanah itu akan menjadi milik kerajaan. Peraturan ini bertentangan dengan pentadbiran adat dimana hakmilik ke atas sesuatu tanah itu diakui walaupun tanah itu tidak diusahakan. Peraturan 6 ini adalah berpandukan kepada peraturan yang dipraktikkan di negeri-negeri Melayu lain, misalnya Perak dimana hakmilik ke atas tanah sawah dan ladang yang tidak diusahakan berturut-turut selama tiga tahun, dengan sendirinya terbatil dan raja berhak memberikannya kepada petani lain.³¹

'General Land Regulations' 1889 ini lebih banyak memberikan perhatian kepada kepentingan ekonomi British di negeri ini dimana undang-undang bagi kemudahan perladangan dikhaskan sehingga diadakan peraturan untuk membolehkan kerajaan kolonial mengambil tanah orang Melayu jika difikirkan terdapat simpanan bijih dalam tanah tersebut. Di samping itu undang-undang ini juga menampakkan suatu prinsip penggunaan tanah yang berkesan.

'General Land Regulations' 1889 sudah mula memberikan perhatian terhadap tanah adat. Di bawah peruntukan Peraturan 22 seseorang yang mahu menuntut haknya ke atas sesuatu bidang tanah samada melalui perwarisan, beli, pemberian atau lain-lain cara pemindahan hakmilik, dikehendaki memberitahu kepada Lembaga suko berkenaan untuk tindakan selanjutnya di Pejabat Tanah. Serakat mana pula peranan Lembaga tersebut tiada ditentukan dalam Peraturan Tanah 1889 ini. Segala urusan tanah adalah di bawah tanggungjawab Pegawai Tanah dan dalam apa-apa perkara yang berhubungan dengan tanah adalah di bawah

bidang kuasa 'Chief Officer' dan keputusannya adalah mutlak.³² Ini bermakna sekiranya timbul rasa tidak puas hati ke atas pengadilan yang diberi oleh Pegawai Tanah, seseorang ini tidak berpeluang untuk membuat rayuan. Sedangkan dalam pentadbiran mengikut hukum adat itu, seseorang yang tidak berpuas hati ke atas pengadilan dalam pertikaian tanah yang telah dibuat oleh Lembaga, individu ini berhak membuat rayuan kepada pihak atas iaitu Lembaga Tinggi Balai dan Penghulu Luak.

Sehingga penubuhan Majlis Negeri Sembilan dalam tahun 1891,³³ pentadbiran tanah sejak 1877 adalah pentadbiran di peringkat daerah sahaja. Seperti juga dengan negeri-negeri Melayu lain yang berada di bawah pemerintahan Inggeris, peraturan-peraturan tanah yang dibuat oleh pegawai tadbir Inggeris pada masa itu terpaksa mendapat kelulusan Gabenor Negeri Selat sebelum ianya dikuatkuasakan. Setelah penubuhan Majlis Negeri pula, Peraturan-Peraturan Tanah yang hendak diperundangan hendaklah dirujuk kepada Setiausaha Tanah Jajahan terlebih dahulu sebelum dibawa ke dalam Majlis Negeri. Tujuan taracara yang demikian adalah untuk memastikan undang-undang tanah itu tidak mengganggu kepentingan ekonomi British di negeri ini; malah undang-undang tersebut mestilah berbentuk memberi galakan kepada perkembangan ekonomi, disamping mengesahkan suatu undang-undang tanah yang lengkap dan tidak pula bertentangan dengan kehendak-kehendak agama dan adat istiadat orang Melayu. Rujukan dibuat berniat supaya tiap-tiap tindakan itu tidak bertentangan dengan dasar umum.

SUCCESSION TO LAND ENACTMENT, 1897

Dalam tahun 1897 Majlis Negeri buat pertama kalinya telah meluluskan suatu undang-undang yang berbunyi dengan pentadbiran penyelesaian pesaka simati iaitu 'Succession to Land Enactment' 1897.³⁴ Undang-undang tanah yang telah ada memberi peruntukan kepada Pemungut Hasil Tanah menyelesaikan tanah pesaka simati, tetapi undang-undang itu tidak pula menyatukan seluas mana bidang kuasa Pemungut Hasil Tanah, taracara untuk panduan Pemungut Hasil Tanah juga tidak terdapat. Oleh itu penggubalan Enakmen 1897 dijangkakan dapat mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam undang-undang tanah yang terdahulu. Enakmen ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Pemungut Hasil Tanah mengenai

kuasa-kuasa yang ada padanya dalam hal penyelesaian tanah. Undang-undang ini boleh juga dianggap sebagai undang-undang untuk penyelesaian harta pesaka kecil iaitu tanah yang tidak lebih dari nilaian \$500/-. Di bawah peruntukan seksyen 3 penyelesaian harta pesaka yang di bawah nilai \$500/- adalah di bawah kuasa Pemungut Hasil Tanah.

Mengikut tatacaranya seseorang yang hendak menuntut akan haknya ke atas harta simati ini, hendaklah membuat permohonan kepada Pemungut Hasil Tanah. Pemungutan Hasil Tanah pula, akan mengeluarkan notis berhubung dengan permohonan ini dalam warta dan dihebahkan notis tersebut di tempat perhimpunan ramai, misalnya di masjid, di papan kenyataan polis, dalam bahasa yang dapat difahami oleh penduduk kampung tersebut. Notis ini akan dipamirkan selama sebulan dengan tujuan untuk membolehkan sesiapa yang ingin menuntut tanah simati ini membuat tuntutan. Kiranya tiada tuntutan dari pihak lain memudahkan hakmilik akan dilakukan oleh Pemungut Hasil Tanah. Sesuatu perintah yang dibuat oleh Pemungut Hasil Tanah adalah tidak mutlak, sekiranya ada apa-apa bantahan atau terdapat pihak-pihak yang tidak berpuashati, orang berkenaan boleh membuat rayuan kepada Residen untuk membatalkan perintah tersebut dan memohon Residen memberikan pengadilan dalam 'Residency Court'. Walau bagaimanapun seseorang ini hanya boleh mengemukakan rayuan untuk membatalkan perintah Pemungut Hasil Tanah dalam tempoh sebulan dari tarikh perintah tersebut dikeluarkan. Rayuan setelah sebulan dari tarikh perintah itu tidak akan dipertimbangkan lagi.³⁵

Di bawah peruntukan seksyen 7, penyelesaian tanah yang di bawah nilai \$500/- tidak boleh diselesaikan di dalam mahkamah awam. Ini berarti penyelesaian tanah adat adalah terakluk di bawah kuasa Pemungut Hasil Tanah sahaja, kerana hampir keseluruhan tanah pesaka yang dimiliki oleh seseorang masyarakat Adat Perpatih itu adalah di bawah nilai \$500/- (nilai wang 1897). Peraturan yang demikian dikekalkan dalam kes yang berhubung dengan penyelesaian harta pesaka adat. Mahkamah awam memerlukan perbelanjaan mahkamah, dengan demikian memberi peluang kepada yang mampu sahaja untuk membuat sebarang rayuan, sedangkan masyarakat adat rata-rata adalah masyarakat yang mengamalkan ekonomi secukup-hidup. Sesuatu penyelesaian adalah bernilai untuk memberi keadilan kepada yang berhak - keadilan dari segi sistem nilai masyarakat berkenaan.

Oleh kerana seorang Pegawai Daerah adalah lebih mengetahui tentang sistem nilai masyarakat yang ditadbirkannya maka ini beliau yang juga menjadi Pemangku Hasil Tanah adalah lebih sesuai menjadi pengadil dalam penyelesaian tanah masyarakat adat. Jika penyelesaian dibuat di mahkamah awam kemungkinan penyelesaian itu tidak dapat memenuhi kehendak sistem nilai Adat Perpatih itu kerana seorang pengadil mahkamah awam tiada mempelajari Adat Perpatih dalam pengajiannya. Tetapi pengalaman dan perhubungan seorang Pegawai Daerah dengan masyarakat yang ditadbir sedikit sebanyak memberikan pengetahuan tentang Adat Perpatih itu kepada pegawai tersebut walaupun ia tidak pernah mempelajari perkara tersebut dalam pengajiannya. Sehingga terbentuk Customary Tenure Enactment 1909, belum terdapat suatu undang-undang tanah yang khas bagi pentadbiran tanah adat. Semua aspek pentadbiran adalah tertakluk kepada peruntukan peruntukan yang terkandung dalam undang-undang tanah yang ada iaitu 'General Land Regulations' 1889 dan 'Succession to Land Enactment' 1897. 'General Land Regulations' 1889 ini kemudiannya telah dimansuhkan dan digantikan dengan undang-undang tanah yang baharu iaitu 'Land Enactment' 1897.

LAND ENACTMENT 1897

Salah satu dari objektif utama pembentukan Persekutuan Negeri-Negeri Melayu 1896 ialah untuk mewujudkan suatu keseragaman dalam pentadbiran khasnya enactmen suatu kaedah tanah yang dapat diterima oleh semua negeri. Ini akan dapat mengelakkan persaingan antara negeri-negeri dalam hal menarik pelaburan untuk kemajuan ekonomi negeri tersebut. Sebelum ini pentadbir-pentadbir British memonopoli bidang-bidang kuasa ke atas tanah. Pada akhir 1878 Residen-Residen Perak, Selangor dan Negeri Sembilan (Sungai Ujong) mengesyorkan kepada Gabenor Negeri Selat supaya mengadakan suatu persidangan bagi membincangkan soal mewujudkan suatu undang tanah yang seragam untuk pentadbiran tanah negeri-negeri Melayu. Sebaliknya syor itu ditolak oleh Gabenor yang mahukan semua residen menyediakan suatu undang-undang tanah bagi negeri-negeri tertentu.⁸⁶ Akhirnya terhasillah undang-undang tanah yang berbeza terutamanya undang-undang tanah negeri Selangor dengan undang undang tanah negeri Perak.

Dalam bulan November 1885, Maxwell telah berjaya menyusun semula undang-undang tanah Negeri Seku. Atas arahan Gabenor, Maxwell telah mengiriskan deraf undang-undang kepada Residen-residen Negeri-Negeri Melayu. Arahan ini berbunyi "...Residen-residen dinasihat supaya menggunakan pengalaman Maxwell bagi mendapatkan suatu keseragaman undang-undang tanah Negeri-Negeri Melayu dengan undang-undang tanah Negeri Selar".³⁷

Dalam tahun 1889 Maxwell telah dilantik menjadi Residen Selangor dimana ia telah berjaya menghasilkan satu undang-undang tanah yang lengkap berdasarkan kepada undang-undang tanah Negeri Selar. Setelah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dibentuk suatu persidangan berhubung dengan masalah tanah telah diadakan diperingkat Persekutuan. Persidangan itu telah menghasilkan suatu deraf yang dinamakan 'Federal Land Code'. Deraf ini dihantarkan kepada Colonial Office, London untuk mendapatkan keputusan. Deraf inilah yang diambil oleh Negeri Negeri Melayu dan dijadikan sebagai enakmen oleh majlis-majlis negeri tersebut. Majlis Negeri-Negeri Sembilan telah meluluskan undang-undang tanah yang terdapat dalam deraf 'Land Code' itu dan menjadikannya sebagai 'Land Enactment' 1897.

'Land Enactment' 1897 ini adalah merupakan undang-undang pentadbiran tanah keseluruhannya. Pelaksanaan undang-undang ini juga merupakan suatu usaha untuk menyelaraskan undang-undang tanah di seluruh Negeri Sembilan disamping menaju ke arah keseragaman dengan undang-undang tanah di Perak, Selangor dan Pahang. Di bawah undang-undang ini tanah diletakkan dibawah kuasa Pengarah Tanah dan Galian di peringkat negeri dan di bawah Pesuruhjaya Tanah dan Galian di peringkat Persekutuan.³⁸

Berhubung dengan tanah adat di Negeri Sembilan undang-undang tanah 1897 ini adalah dianggap tidak dapat memenuhi kehendak pentadbiran tanah tersebut. Masih tiada undang-undang tertentu yang menunjukkan bahawa ketua-ketua adat berperanan dalam beberapa aspek tertentu tentang pentadbiran tanah pesaka. Tiada juga undang-undang yang menunjukkan adanya hukum-hukum adat yang dikekalkan. Perizinan Lembaga seperti yang terkandung dalam Peraturan 22 General Land Regulations 1889 telah dimansuhkan.³⁹ Tetapi pada praktiknya Pemungut Hasil Tanah telah mendapatkan bantuan ketua adat sebagai saksi-saksi dalam menentukan perwarisan dan pembahagian harta.⁴⁰ Kalau dilihat dari kandungan undang-

undang tanah 1897 ini tanah adat boleh dijual atau dipindahkan hakmilik tanpa sekatan sebarang undang-undang yang sah, tambahan pula peranan ketua adat tiada ditentukan dalam undang-undang pentadbiran tanah yang ada. Adanya dokumen hakmilik menguatkan lagi milik individu ke atas tanah yang diwarisinya. Dari segi undang-undang tanah, individu itu bethak memindahkan hakmilik kepada siapa jua dan dengan apa cara sekalipun. Dalam praktiknya ini telah menjumbukkan satu gejala di mana telah berlaku penjualan-penjualan tanah, sehingga pihak Inggeris terpaksa mencari jalan untuk mengatasi kemudiannya.

Peruntukan pentadbiran tanah adat dalam enakmen tanah 1897 ini adalah di bawah bahagian III - 'Country Lands Hundred Acres in Area and Under'.⁴¹ Di bawah bahagian ini tanah adat dikehendaki diukur dan dirontokan batu-batu sempadannya dan didaftarkan dalam Daftar Mukim. Gera hakmilik yang baru iaitu cabutan dari Daftar Mukim dikeluarkan untuk simpanan tuan tanah. Di bawah undang-undang ini hakmilik individu ke atas tanah hanya sah dari segi undang-undang mengikut apa yang telah didaftarkan dalam Daftar Mukim.

Dalam perkembangan pentadbiran tanah di Negeri Sembilan sehingga tahun 1909 pihak British telah gagal dalam memberi perhatian sewajarnya terhadap hakmilik orang Melayu yang menghadapi cabaran perkembangan ekonomi moden. Bagi British hak individu ke atas harta adalah penting, dan termasuk dalam hak asasi manusia. Oleh itu peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam enakmen ini lebih memberi perhatian kepada jaminan hakmilik. Pengenalatan konsep hakmilik yang baru mengikut peruntukan undang-undang yang ada tanah adalah milik individu, dan individu itu mempunyai hak-hak tertentu ke atas tanahnya. Konsep hakmilik yang demikian adalah merupakan satu ancaman pada tanah kepunyaan masyarakat Adat Perpatih, di mana mengikut hukum-hukum adat itu hakmilik individu ke atas tanah adalah terhad. Tanah milik Melayu adalah lebih terancam lagi akibat perkembangan industri getah. Tanaman getah yang telah diperkenalkan pada akhir abad kesembilan belas dahulu telah mendapat perhatian pengusaha-pengusaha menjelang tahun 1909, ini bermakna nilai harga tanah naik di pasaran. Pengusaha-pengusaha perseorangan atau syarikat telah membeli ladang-ladang mereka hingga ke pinggir kampung. Dalam keadaan tertentu terdapat desakan untuk membeli tanah-tanah orang Melayu yang tersepit bersempadankan ladang mereka namuk dijadikan sebahagian dari kawasan ladang. Ini mendatangkan dua

kemungkinan. Seorang itu mungkin tertarik kepada harga yang ditawarkan dan akan menjual tanahnya tanpa memberikan keutamaan kepada sukunya. Sebaliknya pula jika tanah itu dijual kepada bukan Melayu, orang Melayu akan menghadapi masalah tanah yang merupakan sumber utama bagi ekonomi mereka, dan ini akan pula menimbulkan masalah sosial kepada kerajaan. Gejala ini juga menimbulkan kerumitan kepada pejabat tanah kerana undang-undang yang sedia ada tidak mempunyai peruntukan untuk melindungi tanah milik Melayu dan juga untuk melindungi pembeli yang jahil tentang kedudukan tanah itu dibawah perantaraan adat.

Maxwell lebih menyedari kemungkinan seperti ini sejak ia menjadi Residen Selangor, maka itu ia telah memberikan perhatian khas ke atas tanah-tanah milik orang Melayu dalam menggubal 'Selangor Land Code' 1891.⁴² Langkah yang dibuat oleh Maxwell ini mendapat perhatian pegawai-pegawai tadbir yang berkhidmat di Negeri Sembilan apabila mereka melihat akan kemungkinan yang akan berlaku ke atas tanah-tanah orang Melayu akibat dari perkembangan ekonomi moden. Mereka berpendapat bahawa peraturan-peraturan adat itu dapat menyekat pemindahan hakmilik kepada bukan Melayu. Oleh itu mereka telah cuba mengekalkan peraturan-peraturan adat dalam pentadbiran tanah kepunyaan masyarakat adat. R.O. Winstedt yang pernah berkhidmat sebagai Pegawai Daerah Kuala Pilah mengatakan, "pada masa saya dahulu saya telah membuat segala-galanya untuk mempertahankan peraturan-peraturan adat. Sungguhi susah kerana tanpa enakmen-enakmen tertentu, itulah sahaja satu jalan untuk menyekat orang Melayu dari menjual tanah mereka kepada orang-orang luar, India dan Cina."⁴³

Perkara-perkara yang berhubung dengan pemindahan hakmilik, perwatisan dan pembahagian adalah dipraktikkan mengikut hukum-hukum adat, tetapi perkara-perkara tersebut tidak terdapat dalam mana-mana peruntukan undang-undang tanah yang telah digubal. Dengan ini undang-undang tidak berhak menyekat seseorang itu dari melakukan pemindahan hakmilik tanah pesaka dengan mengecepkikan peraturan-peraturan adat. Pegawai tanah dalam kebanyakan kes seperti contoh: Bujok & Tiunah memberikan perintah dengan mengikut hukum adat adalah atas budi bicara mereka sendiri dan bukan berasaskan peruntukan undang-undang yang ada.⁴⁴ Untuk mengatasi kelemahan-kelemahan undang-undang yang sedia ada, satu undang-undang khas untuk pentadbiran tanah masyarakat adat

telah digubal dalam tahun 1909 dinamakan 'Customary Tenure Enactment'.

CUSTOMARY TENURE ENACTMENT 1909

Enakmen ini adalah merupakan undang-undang yang pertama digubal khas untuk pentadbiran tanah adat. Untuk mencapai matlamat ini Pemungut Hasil Tanah diberi kuasa untuk mencatatkan perkataan 'Customary Land' ke atas geran dan Rekod Pendaftaran semua tanah-tanah kepunyaan masyarakat adat, dengan syarat tanah-tanah tersebut didaftarkan dalam Daftar Mukim dan telah ditadbirkan mengikut peraturan-peraturan adat sejak tanah itu dimiliki.⁴⁵ Sebaliknya enakmen ini juga memberi kuasa kepada pegawai tersebut untuk memadamkan catatan 'Customary Land' apabila sesuatu tanah adat ini tidak lagi tertakluk kepada peraturan adat.⁴⁶ Peruntukan ini adalah untuk menyesuaikan dengan undang-undang tanah yang lain bagi membolehkan PHT mengambil tindakan dalam masalah dimana tiada anggota suku yang sanggup menebus atau membeli tanah adat berkenaan. Misalnya dalam masalah cukai yang tidak dibayar atau dalam tuntutan hutang ke atas man tanah yang telah mati. Tawaran terakhir dibuka kepada orang bukan adat dan pembeli berkenaan dilindungi oleh undang-undang sebagai pemilik sepenuhnya dan tanah berkenaan tidak tertakluk kepada peraturan adat lagi.

Seksyen 3 mengatakan tanah yang telah dicatatkan 'Customary Land' pada gerannya tidak boleh dipindah milik, digadai, atau diwariskan kecuali dengan melalui peraturan-peraturan adat. Ini bermakna seseorang yang memegang hak milik tanah adat itu telah ditetapkan oleh undang-undang bahawa segala urusan pindahtanah samada melalui perwarisan, pemberian atau melalui apa cara jua mestilah mengikut tatacara adat dan tatacara pentadbiran moden. Dalam hal ini peranan ketua adat dan peranan Pemungut Hasil Tanah adalah perlu bagi melaksanakan pentadbiran. Sebelum enakmen 1909 ini tidak ada sekatan tertulis bagi menghalang urusan tanah adat, meskipun adat melarang keras urusan tanah adat dengan anggota luar suku. Adanya catatan perkataan 'Customary Land' akan dapat bertindak sebagai penyekat 'Caveat' dalam urusan yang bertentangan dengan peraturan adat. Selain dari itu catatan ini juga akan menentukan samada sesuatu bidang tanah yang dimiliki oleh seseorang anggota

masyarakat Adat Perpatih ditadbirkau mengikut peraturan-peraturan adat atau mengikut peraturan-peraturan lain.

Pada praktiknya, peruntukan undang-undang ini tidak dapat memenuhi kehendak tujuan lantaran kelemahan pihak pentadbiran. Jika kita merujuk kepada isi kandungannya, Enakmen ini cuma memberi kuasa kepada pegawai tanah untuk mencatatkan perkataan 'Customary Land' bila keadaan memerlukan. Enakmen ini tidak mengenakan satu tugas kepada Pemungut Hasil Tanah membuat penyasatan atau mencatatkan mana-mana geran yang ditentukan. Mungkin juga kerana Pemungut Hasil Tanah memandangkan perkara itu tidak begitu mustahak dan boleh dilakukan pada bila-bila diperlukan sahaja. Bagi orang ramai pula mereka yang berpegang kuat kepada adat, kelaziman hal-hal yang berhubung dengan tanah mereka adalah mengikut peraturan-peraturan adat. Bagi mereka yang tiada mempunyai anak perempuan dan mereka yang telah sodar akan kepentingan ekonomi tanah pula, tentu tidak akan mahu mendaftarkan tanah mereka sebagai tanah yang tertakluk kepada peraturan adat. Maka ini catatan 'Customary Land' itu kurang mendatangkan kesan. Enakmen 1909 tidak pula mengenakan sara tanggungjawab kepada anggota masyarakat adat supaya mengembalikan geran-geran tanah yang telah dikehendak untuk dicatatkan 'Customary Land'.

Mengikut suatu laporan, sehingga 1929 masih terdapat beratus lagi bilangan milik tanah yang sepatutnya dicatatkan perkataan 'Customary Land' tetapi telah tidak dibuat demikian.⁴⁷ Masih banyak terdapat milik-milik dalam Daftar Mukim yang sememangnya tanah adat tetapi telah tidak dicatatkan. Semua milik tanah yang terkandung dalam 'Malay Grants Book' No. 1-17, keterangan pada zabihnya (*prima facie*) adalah tanah adat, tetapi kiranya 'title' tanah tersebut tidak dicatatkan 'Customary Land' tanah ini tidak tertakluk kepada peraturan-peraturan adat.

Dalam masa tujuh belas tahun CFE 1909 itu berkuatkuasa terdapat banyak kes-kes yang membawa konflik, menyebabkan pegawai tanah yang bertugas menghadapi kerumitan dalam melaksanakan pentadbiran tanah masyarakat adat khasnya bagi daerah Kuala Pilah dan Rembau. Dalam tuntutan hakmilik ke atas tanah simati yang tidak terdapat catatan 'Customary Land' pada geran atau dalam pendafitarannya, pihak-pihak yang menuntut tidak sekata ada yang mahu penyelesaian dibuat mengikut peraturan adat dan ada pula pihak yang tidak mahu penyelesaian dibuat mengikut peraturan adat.

'Customary Tenure Enactment' 1909 ini juga meninggalkan kesan menjadikan jumlah tanah adat itu boleh dikatakan tidak bertambah. Kebanyakan hartz 'carian' walaupun sudah diwariskan melalui keturunan perempuan, tanah itu tidak dianggap sebagai tanah adat selagi tidak dicatatkan perkataan 'Customary Land' pada dokumen hakmiliknya. Sedangkan mengikut hukum adat, harta carian setelah diwarisi oleh generasi perempuan tanah itu akan ditarafkan sebagai tanah adat. Walaupun banyak terdapat kelemahan-kelemahan pada 'Customary Tenure Enactment' 1909 itu, namun demikian ianya merupakan asas kepada perkembangan undang-undang untuk pentadbiran tanah adat kemudiannya.

MALAY RESERVATIONS ENACTMENT 1913

Usaha-usaha kerajaan Inggeris untuk melindungi tanah orang Melayu dari eksploitasi kaum mendatang sehingga 1913 adalah kurang berkesan. Bagi tanah orang Melayu di Negeri Sembilan Customary Tenure Enactment 1909 adalah merupakan suatu usaha untuk melindungi tanah adat sahaja. Dari segi pelaksanaannya pula terdapat kelemahan di mana banyak terdapat geran-geran yang masih tidak dicatatkan dengan perkataan 'Customary Land'. Atas kesedaran ini, dalam tahun 1913 suatu enakmen 'The Malay Reservation Enactment' telah digubal.¹⁸ Penggubalan Enakmen Simpanan Melayu ini adalah merupakan suatu usaha yang menyedut untuk melindungi semua tanah-tanah milik Melayu dalam negeri-negeri yang berada di bawah pentadbiran British. Enakmen ini juga memberi kuasa kepada Residenewartakan mana-mana tanah negeri 'stateland' sebagai simpanan Melayu.¹⁹

Kebanyakan pendapat mengatakan Enakmen Simpanan Melayu ini digubal adalah bertujuan untuk menyelamatkan tanah orang Melayu dari berpindah milik kepada bangsa asing. Selaras dengan perkembangan ekonomi, pentadbir British telah menjalankan dasar menggalakkan modal luar dilaburkan di negeri ini. Salah satu dari cara bagi menarik pelaburan ialah dengan mengubal undang-undang tanah yang liberal bagi membolehkan pemodal luar membuka ladang-ladang yang luas saudara cara bersendirian atau koporat dan mendapatkan tanah-tanah perimbangan. Di samping itu pentadbiran British telah memberikan insentif dengan mengenakan cukai yang lebih

rendah keatas tanah-tanah yang dimiliki oleh syarikat-syarikat tersebut.⁵⁰ Dalam pada itu pula kaum pendatang juga mengambil kesempatan dalam peluang ekonomi yang menyebarkan banyak berlakunya eksploitasi keatas tanah milik bumiputera. Pentadbir British menyedari akan bahaya perkembangan yang berlaku-pertama, kerana bertanggungjawab memberikan perlindungan keatas orang Melayu yang mana hidup mereka semata-mata bergantung kepada tanah; kedua, kerana binasakan gejala yang tidak sihat mungkin berlaku. Oleh itu 'Malay Reservations Enactment' telah digubal untuk melindungi orang Melayu supaya dapat kekal hidup bergantung kepada tanah dalam keadaan yang tersendiri tanpa mengganggu perkembangan ekonomi British di negeri ini. Ini dapat ditinjau lagi dengan melihat undang-undang yang ada, dimana terdapat peruntukan tambahan kepada undang-undang yang dikehendaki untuk pentadbiran tanah-tanah milik Melayu itu. Jika sekiranya tanah milik Melayu itu difikirkan mengandungi bijih atau apa-apa logam galian, kerajaan berhak membenarkan pelombong menjalankan usaha mengali cari bijih di dalam perut bumi tersebut.

Ada pula pendapat yang mengatakan bahawa 'Malay Reservation Enactment' itu, adalah untuk menjamin supaya orang Melayu akan terus menjadi penanam padi dan menyumbangkan bahan makanan kepada orang lain yang mengusahakan perniagaan getah dan bijih. Dengan adanya 'Malay Reservations Enactment', orang Melayu tidak dapat menjual tanah mereka kepada bukan Melayu. Dengan itu, masalah tanah pertanian tidak akan timbul. Apabila tiada masalah tanah, mereka tidak cenderung untuk mengalihkan mata pencarian mereka kepada bidang-bidang lain. Dalam keadaan ini mereka akan kekal bergantung kepada tanah sebagai sumber ekonomi mereka. Pendapat ini juga ada kebenarannya kerana, sejak awal abad kedua puluh getah mendapat perhatian pemodal-pemodal luar. Tanah telah dibuka dijadikan ladang getah yang luas. Akibat keperluan ladang ini, beribu-ribu bucu diidatangkan dari India. Pada masa yang sama juga perluasan perusahaan lombong bijih telah menarik tenaga manusia dari negeri China. Keadaan yang demikian menyebabkan negeri-negeri Melayu menghadapi masalah kekurangan bahan makanan. Satu daripada cara untuk mengatasi masalah ini, ialah dengan menggalakkan orang Melayu kekal dalam kehidupan mereka sebagai petani. Untuk tujuan itu 'Malay Reservations Enactment' digubal.

Maksud British ini dapat dilihat lagi berdasarkan

perkembangan yang berlaku pada tahun 1917 dimana pada tahun tersebut telah digubal suatu lagi enakmen iaitu 'Cultivation of Rice Enactment 1917'. Enakmen ini adalah bertujuan untuk menambahkan pengeluaran hasil padi. Pegawai Daerah dikehendaki mencatatkan geran tanah-tanah milik Melayu yang sesuai untuk tanaman padi dengan perkataan 'Land restricted to cultivation with rice'.⁵¹ Penduduk Melayu wilayah adat adalah terakluk kepada peraturan yang terkandung dalam enakmen yang telah diluluskan oleh Majlis Negeri, Negeri Sembilan ini. Denda dikenakan ke atas mereka yang engkar mematuhi peraturan yang bertujuan untuk menambahkan pengeluaran hasil padi.⁵² Bagi masyarakat adat 'Malay Reservations Enactment' itu adalah suatu kebaikan. Adanya undang-undang berkenaan dapat menghalang tanah milik masyarakat adat dari berpindah milik kepada bangsa asing. Undang-undang tersebut dikuatkuasa ke atas semua tanah kepunyaan orang Melayu. Pada tiap-tiap hakmilik tanah adat dalam buku daftar E.M.R telah dicatatkan 'Customary Land' dan 'Malay Reservations'. Catatan yang awal itu salah satu tujuannya ialah untuk menyekat tanah tersebut dari eksploitasi pemodal dan peminjam wang. Catatan yang kemudiannya adalah sebagai mengatasi kelemahan 'Customary Tenure Enactment' 1909 dalam mencapai tujuan yang sama. 'Customary Tenure Enactment' 1909 melarang pemindahan milik tanah adat samada melalui penggadaian, penjualan atau tindakan selong melainkan melalui peraturan-peraturan Adat Atas Tinggi ini 'Customary Tenure Enactment' 1909 dianggap oleh Winstedt sebagai 'Tribal Caveat Enactment'. 'Malay Reservation' 1913 adalah lebih tegas lagi. Enakmen tersebut langsung tidak membenarkan semua jenis tanah milik Melayu dijual, dipejak, atau dilelong kepada orang bukan Melayu.⁵³

CUSTOMARY TENURE ENACTMENT 1926

Usaha pentadbir British menyekat tanah milik Melayu dari berpindah milik kepada bukan Melayu telah dapat diatasi oleh enakmen 'Malay Reservation' 1913. Tetapi usaha untuk mengekalkan pentadbiran tanah mengikut peraturan-peraturan adat seperti dalam peruntukan seksyen 3 CTE 1909 masih belum dapat diatasi, malah CTE 1909 menjadikan pentadbiran tanah pemilikan masyarakat adat lebih rumit lagi. Sebelum pengenalan CTE 1909 pemindahan hakmilik tanah pesaka samada pesaka

nenek moyang atau pesaka carian pada kebiasaannya diperbuat mengikut peraturan-peraturan adat, tetapi akibat dari penggabungan CTE 1909, tanah pesaka yang terdapat catatan 'Customary Land' sahaja ditadbirkan mengikut peraturan adat. Tanah pesaka masyarakat adat yang tidak terdapat catatan 'Customary Land' tidak tertakluk kepada peraturan adat. Begitu juga tentang harta carian, sebelum CTE 1909 pembahagian dan perwarisannya ditadbirkan mengikut peraturan adat. Harta carian juga akan menjadi tanah adat apabila tanah tersebut diwarisi oleh generasi perempuan. Tetapi sesudah kuasa CTE 1909, semua harta carian dikeluarkan dari peraturan adat. Oleh yang demikian CTE 1909 mempunyai beberapa kelemahan bukan sahaja kerana peruntukan yang terdapat tidak menepati peraturan adat yang telah ditetapkan bahkan undang-undang yang berhubung dengan rayuan dan beberapa aspek lain juga tidak diterangkan dengan jelas dan sesuai sebagai satu undang-undang dalam konteks perundangan moden. Usaha untuk mengatasi kelemahan CTE 1909 ini, dijalankan oleh Residen di bawah peruntukan Seksyen 10 (i), dimana Residen diberi kuasa mengubai undang-undang jika difikirkan perlu bagi mengekalkan peraturan-peraturan adat berhubung dengan tanah pesaka dalam pentadbiran baru.⁵¹ Hasil usaha ini, satu lagi undang-undang telah dihusnkan oleh Majlis Negeri pada tahun 1926 bagi menggantikan CTE 1909 yang dimansuhkan.

'Customary Tenure Enactment' 1926⁵⁵ adalah merupakan undang-undang yang digubakan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pegawai tanah dalam melaksanakan pentadbiran tanah milik anggota masyarakat adat. Dalam pelaksanaan CTE 1909 terdapat banyak tanah milik lelaki telah dicatatkan 'Customary Land'. Pemungut Hasil Tanah menghadapi masalah dalam hal ini, kerana mengikut adat, tanah adat hanya boleh dimiliki oleh anggota perempuan. Tanah adat yang dimiliki oleh lelaki ialah tanah Adat Lingkungan. Oleh yang demikian CTE 1926 telah membuat peruntukan di bawah seksyen 3, memberi kuasa kepada Pemungut Hasil Tanah untuk membetulkan kesilapan itu dan menentukan bahawa perwarisan semua tanah adat yang asalnya di bawah nama anggota lelaki diteruskan kepada anggota perempuan dalam suku yang sama. Seksyen ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan dengan prinsip adat bahawa tanah adat hanya diwarisi oleh waris perempuan.

Kuasa Pemungut Hasil Tanah mencatatkan 'Customary Land' pada geran dan buku daftar adalah dikekalkan dan dituankan lagi

dalam CTE 1926. Lantaran pelaksanaan CTE 1909 tidak berjalan dengan lancar, banyak geran tanah adat telah tidak dicatatkan perkataan 'Customary Land'. Ini menyebabkan Pemungut Hasil Tanah peringkat kemudiannya menghadapi kerumitan dalam mentadbirkan urusan pindah milik jenis tanah tersebut. Adanya peruntukan di bawah seksyen 4 dalam CTE 1926 itu dijangka dapat mengurangkan masalah yang dihadapi.

Undang-undang yang terkandung dalam 'Customary Tenure Enactment' 1926 ini keseluruhannya ialah peraturan-peraturan adat yang disesuaikan ke dalam pentadbiran moden. Antara yang utama ialah pengakuan konsep hakmilik terhad, tatacara pemindahan hakmilik, perwarisan dan pembahagian. Dalam aspek-aspek tersebut tatacara tertentu disesuaikan dengan peraturan adat. Misalnya, bagi tanah adat yang mana cukainya telah tidak dijelaskan dalam tempoh yang dihidkan, Pemungut Hasil Tanah hendaklah memberitahu Lembaga dan Penghulu Loak berkenaan sebelum tindakan melelong tanah tersebut dijalankan. Dalam tindakan melelong pula peraturan-peraturan tertentu hendaklah diikuti berasaskan peraturan yang diamalkan oleh adat, iaitu memberikan keutamaan kepada waris dan anggota suku yang berkenaan sahaja.⁵⁶ Di bawah pentadbiran tradisional dahulu tiada peraturan melelong tanah pesaka, kerana tiada sistem cukai yang terdapat. Sistem cukai dan tindakan melelong ialah sistem yang diperkenalkan oleh Inggeris, namun demikian Inggeris telah menyesuaikan tindakan tersebut mengikut peraturan pemindahan hakmilik melalui penjualan yang diterapkan oleh adat iaitu memberi keutamaan kepada waris dan anggota suku yang sama. Jika diteliti peruntukan peruntukan yang terdapat dalam CTE 1926 itu hampir dapat memenuhi kehendak hukum adat. Seksyen 11 ialah undang-undang yang berhubung dengan hutang-piutang simati yang harus diselesaikan mengikut peraturan-peraturan adat. Seksyen 12 ialah peruntukan bagi waris lelaki ke atas tanah adat yang ditinggalkan oleh simati yang tidak mempunyai anak perempuan. Dalam seksyen 13 ada peruntukan yang berhubung dengan tanah yang tiada mempunyai waris perempuan. Dalam kes ini peraturan-peraturan adat berhubung dengan tanggungjawab waris perempuan terhadap waris lelaki dan penyelesaian tanah pesaka gantung, disesuaikan dalam bentuk pentadbiran baru yang memberikan perhatian kepada kebajikan individu mahupun waris lelaki atau waris perempuan. Seksyen 14 adalah peruntukan yang memberi perlindungan keatas hak perwarisan bagi waris-warisan yang di bawah umur. Peruntukan

untuk memberikan pengadilan mengikut dasar adat juga terdapat dalam CTE 1926 iaitu seksyen 18 hingga seksyen 20, di bawah peruntukan tatacara menjalankan kes rayuan.

CTE 1926 adalah merupakan status yang kekal digunakan untuk pentadbiran tanah adat hingga ke hari ini. Dalam seksyen 1 (iv) 'Land Code' 1926, telah dijelaskan bahawa, 'nothing contained in this Enactment shall be deemed to prevail against the provisions of The CTE of 1926, the state of Negeri Sembilan'.⁵⁷ Sejak tahun ini dalam kanun-kanun tanah yang digubal, terdapat peruntukan yang mengatakan, '*except in so far as it is expressly provided to the contrary, nothing in this Act shall affect the provisions of - any law for the time being in force relating to customary tenure*'.⁵⁸

Walaupun CTE 1926 merupakan undang-undang yang menjadi teras pentadbiran mengikut hukum-hukum adat, namun demikian terdapat juga masalah dalam perlaksanaannya. Untuk mengatasi masalah-masalah ini beberapa pindaan telah dilakukan. Pindaan pertama telah dilakukan dalam tahun 1930. Ini adalah bertujuan bagi mengatasi kemertutan penyelesaian tanah yang telah terdaftar dalam 'Mukim Register'. Contohnya kes penyelesaian harta Haji Pais yang terdapat dalam Mukim Terachi.⁵⁹ Haji Pais Bin Ujang telah meninggal di kampung Ulu Parit, Mukim Terachi, meninggalkan tiga bidang tanah iaitu: EMR 1727 (4 ekar), carian bersama isteri pertama; EMR 1307 dan tanah No. 937/26 (kedua-dua bidang berjumlah 5 ekar), carian bersama isteri kedua. Simati meninggalkan seorang isteri bernama Ejah bersama seorang anak perempuan berumur 6 tahun, dan seorang lagi anak perempuan bernama Darah iaitu, anak dari perkahwinan dengan isteri yang pertama. Ejah menuntut satu pertiga dari harta simati untuk bahagiannya dan satu pertiga lagi untuk anaknya. Darah menuntut semua harta tersebut. Simati mempunyai seorang adik lelaki tetapi orang tersebut tidak membuai sebarang tuntutan. Pemungut Hasil Tanah daerah Kuala Pilah (Mr. G.H. Nash - MCS - sebelumnya berkhidmat di Perak dan Selangor), telah memberikan perintah bahawa tanah-tanah tersebut tidak dicatatkan 'Customary Land', oleh itu pembahagian tidak tertakluk kepada hukum adat. Sebaliknya pegawai itu mengeluarkan perintah supaya tanah-tanah itu dibahagi mengikut hukum Islam. Setelah mendapatkan nasihat kadhi, pembahagian dibuat seperti berikut:⁶⁰

EJAH ... 3/12 bahagian

EJAH sebagai trustee kepada anak perempuan ... 4/12

bahagian.

DARAH ... 4/12 bahagian

ADIK LELAKI ... 1/12 bahagian

Darah tidak berpuashati atas pengadilan ini dan telah mengemukakan rayuan kepada mahkamah awam⁶¹ menuntut semua bahagian EMR 1927 iaitu, harta carian Haji Pais bersama ibu Darah diberikan kepadanya menurut peraturan Adat Perpatih. Hakim Burton memberikan pengadilan, bahawa tanah carian Hj. Pais bersama isteri pertama diwariskan keseluruhan bahagian tersebut kepada Darah, dan EMR 1807 dan tanah No. 937/26 diwariskan kepada Ejah dan anaknya. Burton memberikan pengadilan tersebut berdasarkan keterangan saksi iaitu keterangan dua orang ketua adat yang mengatakan EMR 1727 adalah 'carian suami-isteri' Haji Pais bersama ibu Darah. Mengikut peraturan adat, 'harta carian suami-isteri dibahagi dua: mati bini pulang pada laki, mati laki pulang pada bini. Bagi kes tersebut ibu Darah telah meninggal, EMR 1927 terpulang kepada Haji Pais. Kematian Haji Pais harta itu seharusnya diwariskan kepada anak perempuannya bersama isteri pertama iaitu Darah. Begitu juga tanah EMR 1807 dan tanah No. 937/26, kedua-dua bidang tanah itu adalah carian Haji Pais bersama isteri kedua iaitu Ejah, mengikut peraturan adat tanah-tanah tersebut diwariskan kepada Ejah dan anaknya. Penghakiman Hakim Burton ini adalah mengikut hukum adat.

Kes ini menimbulkan suatu perbincangan hangat di kalangan pegawai-pegawai tadbir British. Mereka mempersoalkan samada sah atau tidak harta seseorang anggota masyarakat adat yang telah tidak terdapat catatan 'Customary Land' pada geran dan Daftar Mukim diwaris dan diahagikan mengikut peraturan adat. Mereka juga mempersoalkan tentang kekaburan seksyen 25 yang mengatakan *'nothing in this enactment contained shall affect the distribution of the estate, not being customary estate, of any deceased person...'*⁶² Hakim Burton berpendapat bahawa Pemungut Hasil Tanah berkenaan gagal mempertimbangkan seksyen 25 yang kabur itu. Tambahnya lagi dalam sesuatu penyelesaian Pemungut Hasil Tanah mestilah memastikan apakah undang-undang peribadi seseorang itu; kemudian pastikan siapakah yang akan berhak mengikut undang-undang tersebut. Jika iaitu persetujuan di kalangan pihak yang membuat tuntutan tidak dicapai maka

Pemungut Hasil Tanah mestilah mewariskan harta-harta itu mengikut peraturan perwarisan yang telah diamalkan oleh tuan tanah yang telah mati itu.

Hakim Burton mengatakan bahawa Pemungut Hasil Tanah berkenaan menginterpretasikan seksyen 25 berdasarkan kepada peruntukan di bawah seksyen 10 CTE 1909, iaitu apabila tanah adat telah berpindah milik kepada orang bukan adat, tanah itu tidak tertakluk kepada adat lagi, dan catatan 'Customary Land' yang terdapat dalam Daftar Mukim dan juga dokumen hakmiliknya hendaklah dibatalkan. Undang-undang mengatakan tanah yang telah dibatalkan catatan 'Customary Land' pada gerannya, tanah ini tidak boleh ditadbirkan mengikut peraturan adat. Tetapi undang-undang tidak mengatakan tanah yang tidak terdapat atau belum dicatatkan 'Customary Land' tidak boleh ditadbirkan berdasarkan pada peraturan-peraturan adat. Adat adalah otak manusia, adat berhubung dengan tanah adalah kerana orang yang memilikinya tertakluk kepada adat. G.H. Nash dalam membuat perintah adalah berdasarkan kepada prinsip 'Law follows the person', pembahagian dibuat mengikut hukum adat kerana 'appellant' dan 'respondent' kedua-dua adalah anggota masyarakat adat. Maka itu Hakim Burton membuat suatu pandangan semua tanah pesaka carian mestilah diwariskan mengikut hukum Adat Perpatih.

Dengan merujuk kembali kepada sistem pentadbiran tanah sebelum kedatangan Inggeris dahulu, kita dapati bahawa hukum adat itu adalah kedua-duanya iaitu, 'Law follows the land' dan 'Law follows the person'. Tanah pesaka adat ditadbirkan mengikut peraturan-peraturan adat adalah kerana tanah itu tanah adat. Pesaka carian ditadbirkan mengikut peraturan adat, iaitu 'dapat tinggal, pembawaan kerobali, carian bahagi, mati suami tinggal pada isteri dan mati isteri tinggal pada suami' adalah kerana harta-harta itu dimiliki oleh anggota masyarakat adat. Dengan demikian hukum Adat Perpatih itu adalah kedua-duanya, 'Law follows the land' dan 'Law follows the person'.

Akibat dari kes ini beberapa pandangan telah diberi oleh pentadbir British yang pernah berkhidmat di Kuala Pilah, supaya Ketua Setiausaha membuat pindaan keatas CTE 1926 bagi mengelakkan kerumitan-kerumitan yang dihadapi oleh Pemungut Hasil Tanah dalam melaksanakan pentadbiran tanah milik masyarakat adat. Terdapat juga pandangan supaya semua perkara yang berhubung dengan adat dikeluarkan dari campur tangan mahkamah awam dan diserahkan kepada Pemungut Hasil Tanah.

Penyelesaian kes semua tanah-tanah kepunyaan masyarakat adat dan perintah yang telah dibuat oleh Penguat tersebut tertakluk kepada pembatalan melalui rayuan kepada Residen dan Jemaah Rayuan 'Appeal Committee'. Peruntukan hendaklah juga ditetapkan; bagi tanah adat perwarisan adalah tertakluk kepada 'Probate and Administration Enactment'. R.O. Winstedt dalam memorandunya kepada Ketua Setiausaha mengatakan "adalah satu langkah yang wajar mengeluarkan semua soal adat di Negeri Sembilan dari mahkamah, kerana pengadil jarang yang berpengetahuan tentang adat; dan mengesyorkan lagi supaya semua urusan harta adat diserahkan kepada pengadil Pegawai Daerah, Residen dan Majlis Negeri".⁶³

Kesan dari perkembangan ini, Residen Negeri Sembilan, Andrew Caldecott, telah mengemukakan suatu bil dalam Majlis Negeri dalam tahun 1930 untuk meminda CTE 1926. Mengikut pindaan itu, sekiranya tanah dalam Daftar Mukim direkodkan dengan perkataan 'Customary Land' tanah itu adalah tertakluk kepada peraturan adat. Jika terdapat catatan 'non-customary' tanah itu tidak ditadbirkan mengikut peraturan adat. Bagi tanah dalam Daftar Mukim yang tidak ada catatan - Pegawai Daerah diberi kuasa untuk didaftarkan sebagai 'Customary Land' selepas menjalankan penyiasatan bagi kepastian bahawa tanah itu telah dimiliki melalui peraturan adat. Ketiadaan catatan tidak menghalang perwarisan dijalankan mengikut peraturan adat.⁶⁴

Bil tersebut telah diluluskan dengan sebulat suara dan menjadi 'Negeri Sembilan Enactment' No. 1 of 1930.⁶⁵ Enakmen ini menerangkan bahawa catatan 'customary land' bagi tanah-tanah yang terdaftar dalam Mukim Register boleh dihapus dalam dua kes - pertama, dengan bukti bahawa tanah itu dimiliki melalui peraturan adat dan nama pemiliknya anggota adat yang perempuan. Ini bermakna harta carian yang telah diwariskan kepada generasi perempuan boleh dipertimbangkan untuk dicatatkan dan seterusnya tertakluk kepada peraturan adat. Kedua, bagi tanah-tanah yang telah diberikan oleh kerajaan kepada anggota perempuan pada mana-mana soka, geran tanah tersebut boleh dicatatkan dengan perkataan 'customary land' jika pemilik tersebut memberi persetujuan kepada Penguat Hasil Tanah untuk berbuat demikian.

Pindaan kedua keatas CTE 1926 dibuat dalam tahun 1932 iaitu pada seksyen 2 dan seksyen 15. Pindaan pada seksyen 2 dibuat bagi mengatasi beberapa maksud-maksud yang kurang jelas. Seksyen 2A, adalah berhubung dengan tanggungjawab Undang/

Penghulu dalam sozi perlantikan ketua-ketua adayang diperlukan untuk memberi keterangan dan pendapat dalam kes-kes penyelesaian tanah pesaka sekiranya ketiadaan Lembaga suku tanah berkenaan. Pindaan atas seksyen 15 dilakukan bagi penjelasan perkara-perkara berhubung dengan tatacara rayuan dan anggota-anggota yang akan menganggorai Jemaah Rayuan. Serakat mana pula kuasa badan ini dijelaskan dalam peruntukan tersebut. Sebelum ini keputusan badan ini adalah muktamad tetapi dalam pindaan yang dibuat kiranya sesuatu kes tanah adat tidak dapat diselesaikan oleh badan tersebut, ianya akan dibawa kepada Majlis Negeri dimana keputusan Majlis tersebut adalah muktamad.

Dalam tahun 1934 satu pindaan lagi telah dibuat atas seksyen 5 berhubung dengan tanah yang boleh dikecualikan dari peraturan-peraturan adat, iaitu tanah yang diperlukan oleh kerajaan untuk maksud pembangunan. Seksyen ini adalah bertujuan untuk mengelakkan gangguan-gangguan yang mungkin berlaku dalam usaha kerajaan melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur.

Dalam tahun 1936 Kamun Tanah dan undang-undang CTE telah dikaji semula demi untuk mengawujudkan suatu undang-undang tanah yang lengkap. Hasil dari kajian ialah 'Land Code' 1936 Cap. 138 dan CTE Cap. 215. Semua peruntukan-peruntukan dalam CTE 1926 serta pindaan-pindaan 1930, 1932 dan 1934 dikekalkan ke dalam suatu statut yang dikenali sebagai 'Customary Tenure Enactment' Chapter 215 of the Revised Laws of the FMS 1936.⁶⁶ Undang-undang CTE ini dikuatkuasakan ke atas pentadbiran tanah adat hinggalah ke hari ini. Dalam pada itu tidaklah pula bererti tiada pindaan-pindaan dibuat, apabila bentuk kerajaan berubah, pindaan terpaksa dilakukan untuk penyesuaian dengan bentuk pentadbiran yang baru.

CUSTOMARY TENURE ENACTMENT ORDINANCE NO. 23 1949

Sesudah Perang Dunia Kedua tamat bentuk politik dalam negeri ini telah berubah. Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk dalam tahun 1948. Pegawai negeri yang dahulu digelar Residen kini digelar sebagai 'British Adviser'. Kuasa tertinggi adalah pada Pesuruhjaya Tinggi British. Bagi negeri-negeri Melayu, jawatan Menteri Besar telah diadakan. Perubahan bersejarah ini

menyebabkan 'Customary Tenure Enactment' Cap. 213 terpaksa dipinda untuk menyesuaikan dengan bentuk politik yang baru. Pindaan tersebut telah dilakukan pada 30 August 1949 dan dikenali sebagai 'Customary Tenure Ordinance No. 23'.⁶⁷ Di bawah seksyen 2 'Ordinance' ini, undang-undang CTE dikuatkuasakan dalam daerah Rembau.⁶⁸ Segala istilah 'Residen' yang terkandung dalam Cap. 213 itu telah digantikan dengan 'Ruler in Council' kecuali bagi 'subsection' 15 (iii) (a) Mengenai Rayuan bagi tanah dalam luak Johol, Jelebu dan Rembau, ahli Jemaah Rayuan terdiri dari dua orang iaitu Undang dan seorang lagi ialah orang yang mempunyai pengetahuan khas tentang adat wilayah tersebut.

Bagi luak-luak lain anggota Jemaah Rayuan terdiri dari tiga orang. Seorang ahli yang dilantik oleh 'Ruler in Council', seorang lagi dipilih oleh Yang Di Pertuan Besar dan anggota yang seorang lagi ialah ketua adat luak tersebut iaitu Penghulu Luak. Terdapat perbezaan antara anggota Jemaah Rayuan bagi luak-luak utama (Johol, Rembau dan Jelebu) dengan 'luak-luak Tanah Mengandung'. Bagi luak-luak utama Jemaah Rayuan terdiri dari dua orang, manakala luak 'Tanah Mengandung' terdiri dari tiga orang. Perbezaan ini adalah kerana kewihawaan ketua-ketua adat itu sendiri. Merujuk kepada sistem politik tradisional seorang undang itu adalah 'nan bergajah tunggal, memancing punas, meliang tembus, membunuh mati'. Kuasa seorang Undang adalah muktamad dan Undang tidak tertakik kepada kuasa Yam Tuan. Manakala penghulu-penghulu adat luak Tanah Mengandung adalah tertakik kepada kuasa Yam Tuan. Dalam seksyen 23 'Resident to the Council of the Yang Di Pertuan Besar and Undang' dipinda kepada 'Menteri Besar to the Ruler in Council'. Di bawah seksyen 24 pula 'Council of the Yang Di Pertuan Besar and Undang' dipinda menjadi 'Ruler in Council'.

Pindaan 1949 ini juga adalah merupakan satu persediaan dalam usaha menunaikan tuntutan golongan politik mengembalikan kuasa politik dan pentadbiran kepada rakyat negeri ini. Dalam bentuk politik yang baru, institusi perundangan juga terpaksa diubahsuai. Majlis Perundangan Persekutuan adalah bertanggungjawab ke atas pentadbiran Persekutuan. Dalam pada itu Majlis Perundangan Negeri juga dikekalkan fungsinya mengkuhul undang-undang berhubung dengan beberapa perkara untuk memenuhi keperluan pentadbiran di peringkat negeri. Oleh kerana pentadbiran tanah masyarakat adat merupakan

pentadbiran di peringkat negeri, maka ini Majlis Perundangan Persekutuan telah menggubal 'Customary Tenure (State of Negeri Sembilan) Ordinance'.⁶⁹

CUSTOMARY TENURE (STATE OF NEGERI SEMBILAN) ORDINANCE (1952) NO. 25

